

**KEPENTINGAN KEARIFAN TEMPATAN DALAM
KONSERVASI WARISAN : KAJIAN MENGENAI
KERIS**

MUHAMMED IZZAKKUAN BIN MUHAMMED ZIZI

**Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan
Kepujian.**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KEPENTINGAN KEARIFAN TEMPATAN DALAM
KONSERVASI WARISAN : KAJIAN MENGENAI
KERIS**

MUHAMMED IZZAKKUAN BIN MUHAMMED ZIZI

**Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan
Kepujian.**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia



MUHAMMED IZZAKKUAN BIN MUHAMMED ZIZI

Tarikh: 27 Januari 2021



DR. TSUJI SHYUJI


Tarikh: 27 Januari 2021

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kekilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGAKUAN

Projek bertajuk “Kepentingan Kearifan Tempatan Dalam Konservasi Warisan : Kajian Mengenai Keris “ telah disediakan oleh **(MUHAMMED IZZAKKUAN BIN MUHAMMED ZIZI)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Keahlian **(Konservasi Warisan)**.

Diterima untuk diperiksa oleh:


(DR. TSUJI SHUJI) *Surety Received.*

Tarikh: 27 Januari 2021

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirahim,

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya, projek penyelidikan ini dapat saya sempurnakan walaupun terdapat kekangan yang perlu dilalui dalam usaha melengkapkan projek penyelidikan ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Dr Tsuji Shuji atas nasihat dan sokongan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Beliau juga merupakan individu yang sering memberikan pandangan dan pembetulan serta idea terhadap kajian yang telah saya laksanakan.

Disamping itu juga, saya ingin menyampaikan ucapan ribuan terima kasih kepada ibu bapa saya yang dikasihi iaitu Muhammed Zizi Bin Khadir dan Roslena Binti Yunus kerana telah menjadi tonggak utama dalam kehidupan saya sehingga berjaya menjejakkan kaki ke peringkat universiti ini. Tidak dilupakan juga kepada adik beradik saya yang memberikan dorongan kepada saya untuk meneruskan pelaksanaan projek penyelidikan ini. Tanpa mereka, tidak mungkin saya mampu ke tahap ini.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang sentiasa memberikan dorongan dan semangat saat saya menghadapi kesukaran dalam pelaksanaan kajian ini. Sebelum saya mengundur diri, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan serta pihak-pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyempurnaan projek penyelidikan ini

MALAYSIA
KELANTAN

Kepentingan Kearifan Tempatan Dalam Konservasi Warisan : Kajian Mengenai Keris

ABSTRAK.

Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Kepentingan Kearifan Tempatan Dalam Konservasi Warisan : Kajian Mengenai Keris”. Pengkaji menyasarkan kearifan tempatan terhadap keris ini dalam memelihara keris warisan supaya nilai warisan dapat dijaga dengan baik. Dalam kajian ini juga akan menimbulkan isu kepentingan dalam proses memelihara senjata warisan keris ini dengan kearifan tempatan yang diperolehi. Walaupun kaedah dan pemeliharaan keris ini telah ada ketika ini melalui institusi pemuziuman, tetapi pemeliharaan yang dilakukan oleh kearifan tempatan juga perlu diambil tahu dengan bagaimana pemeliharaan yang dilakukan oleh mereka. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti cara penjagaan keris berdasarkan menurut kearifan tempatan, mengkaji cara pemeliharaan keris berdasarkan pengetahuan daripada kearifan tempatan dan mengkaji bagaimana pengurusan koleksi senjata keris di Galeri Senjata Istana Jahar dijalankan. Kaedah dalam mendapatkan data dalam kajian ini adalah melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan catatan. Pemeliharaan dan pemeliharaan terhadap keris ini melalui kearifan tempatan amat diperlukan bagi melindungi khazanah warisan ketara ini daripada ditelan arus zaman dan dilupakan oleh masyarakat terutamanya. Diharap kajian yang dijalankan ini mampu memberikan pengetahuan dan informasi dalam menjalankan pemeliharaan terhadap keris mengikut kearifan tempatan dan pengetahuan ini dapat dikongsikan kepada pengumpul koleksi yang lain dalam memelihara keasliannya.

Kata Kunci: warisan, pemeliharaan, warisan ketara, keris, kearifan tempatan.

The Importance of Local Wisdom in Heritage Conservation: A Study of Keris

ABSTRACT.

This research project is a study on "The Importance of Local Concerns in Heritage Conservation: Studies on Keris". Researchers are targeting local wisdom on this kris in conserving heritage kris so that heritage values can be well cared for. In this study will also raise the issue of importance in the process of preserving this kris heritage weapon with the local wisdom obtained. Although the method and conservation of this kris has been available at this time through museum institutions, but the conservation performed by local wisdom also needs to be taken into account by how the preservation is done by them. The objective of this study is to identify the way of caring for the kris based on local wisdom, to study how to preserve the kris based on knowledge from local wisdom and to study how the management of the collection of kris weapons in the Istana Jahar Weapons Gallery is carried out. Methods for obtaining data in this study were through observation, interview and observation methods. Preservation and preservation of this kris through local wisdom is very necessary to protect the treasures of this tangible heritage from being swallowed by the currents of time and forgotten by society especially. It is hoped that this study can provide knowledge and information in carrying out the maintenance of the dagger according to local wisdom and this knowledge can be shared with other collection collectors in preserving its originality.

Keywords: heritage, conservation, tangible heritage, keris, local wisdom.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGESAHAN STATUS TESIS	i
PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi -viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	ix - x
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1 - 4
1.2 Permasalahan Kajian	4 - 7
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Skop Kajian	8 - 9
1.6 Kepentingan Kajian	9 - 12
1.7 Kekangan Kajian	12 – 14
1.8 Lokasi Kajian	14 - 15
1.9 Kesimpulan	15

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan	16
2.2 Inti Sorotan Kajian	17
2.2.1 Pengurusan Koleksi	17 - 18
2.2.2 Konservasi	18 - 19
2.2.3 Mengenai Keris	19 - 20
2.2.4 Pembuatan Keris	21
2.2.5 Mandi dan Cuci Keris	22 - 21
2.2.6 Kearifan Tempatan	22 - 24
2.2.7 Pengurusan Ruang	24 - 25
2.3 Kesimpulan	26

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	26 - 28
3.2 Reka Bentuk Kajian	28 - 31
3.3 Imforman Kajian	32
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	33
3.5 Populasi dan Sampel Kajian	34
3.6 Instrumen Kajian	35 - 39
3.7 Rumusan Bab	39

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	40
4.1 Sejarah Keris	40 - 44
4.2 Pengurusan Koleksi	44 - 48
4.3 Proses Pembersihan	48 - 61

4.4 Penjagaan Koleksi Senjata Keris	62 - 70
4.5 Galeri Senjata	70 - 75
4.6 Penutup	75 -76
BAB 5	
5.0 Pengenalan	77 - 78
5.1 Analisis Objektif Kajian	78 - 85
5.2 Rumusan	86 - 87
5.3 Cadangan	88 - 90
5.4 Penutup	91
6.0 RUJUKAN	92 – 93
7.0 LAMPIRAN	94 - 96

SENARAI JADUAL

NO.	MUKA SURAT
3.0 Carta Alir Metodologi Kajian	31
4.0 Jumlah responden yang ditemu bual oleh pengkaji	63

SENARAI RAJAH

NO.	MUKA SURAT
4.1.a Bahagian- bahagian yang terdapat pada senjata keris.	42
4.1.b Pengiraan lok pada senjata keris jenis lok.	42
4.2.1.a Antara sebahagian keris yang dipertontonkan kepada pengkaji.	46
4.2.1.b Peti besi yang disimpan senjata keris didalamnya.	47
4.2.1.c Peti besi tingkat 2 yang menyimpan senjata keris jenis anak alam.	48
4.3.1.a Air kelapa bagi proses pembersihan keris	56
4.3.1.b Batang buloh yang siap dipotong dan digunakan	57
4.3.1.c Bilah keris yang direndamkan	58
4.3.1.d Pengkaji menolong membersihkan bilah keris.	59
4.3.1.e Bilah keris dijemurkan sehingga kering daripada air	60
4.3.2.a Bahagian ulu dan sampir keris bagi proses kemas.	60
4.3.2.b Jenis kemas bentuk semburan digunakan keatas sampir dan ulu senjata keris.	61

4.4.1.a Keris 3 lok yang dimiliki oleh Encik Zizi	65
4.4.1.b Senjata keris yang dimiliki oleh Encik Hazmi	66
4.5.1.a Pintu Hadapan Muzium Adat Istiadat Diraja Kelantan	72
7.1.a Surat menjalankan kajian lapangan pengkaji	94
7.1.b Pengkaji bersama pemilik Koleksi Senjata Keris	95
7.1.c Pengkaji bersama pembantu am di Galeri Senjata	96

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pengurusan koleksi yang awalnya dipelopori oleh institusi muzium sahaja. Hal ini kerana, pengurusan yang dilakukan di Muzium ini adalah untuk mempamerkan koleksi yang diperolehi daripada pelbagai sumber dan ianya dipamerkan untuk khalayak ramai. Dalam institusi pemuziuman ini, pengurusan koleksi adalah salah satu pengurusan yang amat penting bagi memelihara dan memantapkan institusi pemuziuman. Tanpa adanya koleksi ini, sesebuah institusi pemuziuman tersebut tidak akan kukuh. Bagi kearifan tempatan pula, pengurusan koleksi ini dilakukan oleh orang perseorangan yang tertentu yang kebiasaanya melakukan pengumpulan koleksi berdasarkan daripada hobi atau minat.

Pengurusan koleksi yang dilakukan oleh kearifan tempatan ini mungkin berbeza dengan kaedah mengurus yang dilakukan oleh institusi pemuziuman yang ada di Malaysia ini. Perbezaan cara pengurusan koleksi ini mungkin berlaku pada kaedah pendokumentasian dan rawatan fizikal. Anne Fahy (1995) menyatakan bahawa didalam Bukunya yang bertajuk “Collection Management”,pengurusan koleksi adalah salah satu istilah yang dipanggil “*blanket term*” yang diterapkan dalam rawatan fizikal dan dokumentasi koleksi.

Menurut ICOMOS dalam Piagam Burra (1999), Terdapat beberapa koleksi barangan tempatan yang terdapat dan dipamerkan di muzium-muzium di Malaysia. Contohnya, pameran yang mempamerkan warisan ketara seperti keris. Warisan budaya ketara ini boleh didefinisikan proses memulihara sesuatu tempat, bahan atau benda yang boleh disentuh dan dilihat oleh masyarakat yang ianya mempunyai kepentingan kebudayaan dapat dikekalkan.

Keris ini merupakan salah satu koleksi warisan yang ketara dan mempunyai pelbagai nilai yang tersendiri padanya. Keris ini merupakan senjata Melayu yang menjadi senjata terulung dan teragung dalam teknologi pertukangan dan teknologi masyarakat Melayu dahulu. Keris dikenali sebagai senjata pendek kebangsaan Melayu yang secara dari generasi ke generasi digunakan sejak lebih 600 tahun yang lampau.

Kini, keris bukan sahaja digunakan sebagai senjata untuk seni bela diri dari serangan musuh tetapi ianya juga dijadikan sebagai peralatan kebesaran Di Raja tetapi keris juga disanjung tinggi oleh semua masyarakat

Keris ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu hulu, mata, dan sarong. Pada bahagian mata keris ini diperbuat dengan menggunakan lapisan besi yang berlainan jenis dan mempunyai bilangan luk yang tertentu atau lurus sahaja. Ciri- ciri inilah yang memberikan perbezaan di antara keris- keris tersebut dan mempunyai nama- nama seperti keris Majapahit, Pekaka, Bugis, Jawa, Madura dan sebagainya. Hulu yang terdapat pada keris pula mempunyai pelbagai ukiran yang mempunyai rupa yang berbeza ini diperbuat daripada gading atau kayu dan adakalanya diperbuat daripada logam yang sama seperti yang ada pada mata keris. Manakala sarung keris, ianya mempunyai bahagian yang tertentu antaranya sampir, batang dan buntut yang diperbuat daripada kayu dan gading. Diantaranya disalut dengan perak atau emas berukir bergantung kepada darjat dan kemampuan pemakainya.

Menurut Yin (2003), kearifan tempatan merupakan pengetahuan yang ada terkumpul didalam amalan komuniti di sesebuah tempat. Namun, ini tidak boleh dinafikan bahawa sesebuah kawasan itu mempunyai perbezaan dari segi sosial, agama, etnik, aset budaya dan latar belakang sejarah.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, terdapat beberapa individu yang telah dikenal pasti dalam mendapatkan maklumat tentang kearifan tempatan ini terhadap pengurusan koleksi yang dilakukan. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan untuk kajian ini, masih terdapat segelintir masyarakat di negeri Kelantan ini masih kurang kesedaran dalam memelihara koleksi lama atau alat warisan ini secara baik mengikut kaedah dan cara yang betul. Hal ini telah membuka peluang kepada kajian ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat bagaimana pelaksanaan atau tindakan yang betul dalam proses memelihara koleksi warisan ketara ini iaitu alat keris yang dilakukan mengikut kearifan tempatan. Peralatan senjata keris ini amat dikenali oleh masyarakat kita akan tetapi ada diantaranya hanya memelihara dengan menyimpan koleksi keris ini sehingga tempoh tertentu koleksi keris tersebut menjadi rosak.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kebanyakan kegiatan pengurusan koleksi pada masa kini telah berusaha dalam mengekalkan dan memberikan penjagaan yang baik kepada setiap koleksi yang diuruskan. Hal ini demikian kerana, cara penjagaan keris yang baik melalui kearifan tempatan ini mampu memberikan pelbagai manfaat kepada peminat serta pengkaji sejarah dalam mengenali pengurusan koleksi keris ini.

Namun, cara yang digunakan dalam penjagaan keris ini mempunyai pelbagai kaedah yang tersendiri bagi mengekalkan nilai yang terdapat pada senjata tersebut. Kepelbagaian ini telah mempengaruhi cara dan bagaimana penjagaan keris ini dilakukan mengikut kearifan tempatan. (Jabatan Muzium, 2007)

Selain itu, penyimpanan yang dilakukan oleh masyarakat tempatan juga mempunyai cara yang berbeza. Hal ini kerana, penyimpanan terhadap koleksi keris ini penting bagi melindungi nilai yang terdapat padanya serta mengekalkan reka bentuk tanpa berlaku sebarang permasalahan. Namun, cara penyimpanan yang dikenali melalui kearifan tempatan mempunyai pelbagai pengetahuan. Ada yang mengenali kaedah penyimpanan yang betul dalam menyimpan bahan koleksi mereka ini. Menurut daripada Susan (1993). Kaedah penyimpanan yang tidak betul boleh memberikan pelbagai masalah kepada sesuatu koleksi yang akhirnya nilai pada sesebuah bahan koleksi itu akan terjejas.

Seterusnya, dalam pengurusan koleksi ini juga memiliki pelbagai kaedah rawatan yang digunakan dalam menjaga sesebuah koleksi itu. Hal ini demikian kerana, penjagaan koleksi yang baik memerlukan rawatan yang khusus dimana ianya mengikut kearifan tempatan yang diketahui. Namun, masih ada yang kurang memiliki pengetahuan dalam merawat koleksi mereka dengan baik.

Hal ini membuktikan bahawa pengurusan koleksi secara prosedur rawatan yang baik mampu memberikan penjagaan berkualiti pada bahan koleksi tersebut. Menurut daripada Simon (2007). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengetahui kajian tentang kepentingan kearifan tempatan dalam konservasi warisan: kajian mengenai keris.

Secara amnya, pemeliharaan keris ini banyak dilakukan oleh pengumpul keris yang dijadikan sebagai hobi mereka akan tetapi ada juga dikalangan mereka ini tidak berbuat demikian dengan kaedah betul. Oleh itu, pengumpul keris ini mestilah mendapatkan cara atau kaedah yang betul bagi menguruskan koleksi keris mereka dengan baik. Kaedah rawatan yang baik mampu memberikan hasil penjagaan yang baik terhadap koleksi yang disimpan sepertimana yang dikatakan oleh Simon J. Knell dalam merawat koleksi persenjataan ini. Maka dengan keadaan yang sedemikian kita mestilah memelihara dan mengembangkan ilmu pengetahuan terutama penjagaan koleksi keris ini bagi tatapan generasi masa hadapan agar mereka lebih menghargai warisan negara tidak kiralah dalam bentuk ketara mahupun tidak ketara, bangunan, artifak, budaya ataupun adat resam.

Kesukaran dalam mendapatkan individu yang mahir dalam pengetahuan jagaan koleksi keris ini perlu diatasi kerana pengetahuan yang pakar mampu membantu masyarakat yang lain dalam menjaga peralatan atau koleksi mereka. Kerjasama dan maklumat dari pelbagai sumber amat diperlukan dalam menyelesaikan permasalahan ini.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Seperti yang diketahui umum, pengurusan koleksi ini telah dilakukan oleh kebanyakan institusi permuziuman di Malaysia. Akan tetapi, kajian ini lebih kearah pengurusan yang dilakukan oleh kearifan tempatan. Oleh sebab itu, pengetahuan kearifan tempatan ini perlu diketahui samada ianya sama atau berbeza dengan pengetahuan yang diketahui oleh umumnya tentang pengurusan terhadap koleksi senjata keris ini.

Terdapat 3 objektif utama didalam kajian ini antaranya :

- Mengenalpasti cara penjagaan keris berdasarkan menurut kearifan tempatan.
- Mengkaji cara pemeliharaan keris berdasarkan pengetahuan daripada kearifan tempatan.
- Mengkaji bagaimana pengurusan koleksi senjata keris di Galeri Senjata Istana Jahar dijalankan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan yang terdapat didalam kajian ini adalah :

- Bagaimanakah cara penjagaan keris yang dilakukan oleh kearifan tempatan?
- Apakah cara yang berkesan dalam proses pemeliharaan keris yang dilakukan oleh pengumpul keris?
- Mengkaji bagaimana pengurusan koleksi senjata keris di Galeri Senjata Istana Jahar dijalankan?

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini adalah berdasarkan pengekalan kearifan tempatan dalam konservasi warisan : kajian mengenai keris. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengekalan kearifan tempatan dalam konservasi warisan : kajian mengenai keris. Kajian ini mempunyai 3 objektif utama iaitu mengenalpasti cara penjagaan keris menurut kearifan tempatan, mengkaji cara pemeliharaan keris berdasarkan pengetahuan daripada kearifan tempatan, mengkaji bagaimana pengurusan koleksi senjata keris di Galeri Senjata Istana Jahar dijalankan.

Lokasi kajian telah dilakukan di dalam Negeri Kelantan iaitu di Daerah Kota Bharu dan Daerah Bachok. Pemilihan kawasan ini adalah kerana, kajian ini adalah untuk mengetahui kearifan yang diketahui oleh pengumpul koleksi yang ada dalam kawasan ini bagaimana mereka

memelihara koleksi keris ini. Seramai 5 orang akan ditemu ramah oleh pengkaji bagi mendapatkan data dengan pemilik koleksi keris, individu yang berpengetahuan dalam memelihara objek keris dan pembantu pegawai daripada muzium negeri Kelantan..

Pendekatan yang digunakan dalam kajian adalah dengan menggunakan kaedah *Qualitative* iaitu temu ramah. Iaitu Pak Chu Leh, Pihak Muzium dan Individu yang memiliki pengetahuan menyimpan keris. Analisis data yang digunakan dalam kajian berdasarkan kepentingan pengekalan kearifan tempatan dalam konservasi warisan : kajian mengenai keris adalah analisis thematic.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai kepentingan tersendiri kerana ianya juga memberikan impak kepada Individu, Masyarakat dan Institusi.

1.6.1 Individu

Dari segi kepada individu, kajian ini akan memberikan kepentingan dan nilai yang tersendiri kepada seseorang individu. Kajian diharap mampu memupuk jati diri dan semangat cinta akan sejarah warisan negara Malaysia ini.

Selain itu, kajian ini juga diharap membantu individu yang cuba memahami dan mengenali warisan ketara ini dan menjaga nilai serta keaslian bahan seperti koleksi keris ini.

1.6.2 Masyarakat

Projek penyelidikan ini memberi peluang kepada masyarakat untuk mengenalpasti pengetahuan mereka terhadap nilai warisan pemuliharaan keris ini yang penting dari sudut ekonomi, politik, budaya dan juga sosial. Hal ini kerana pengetahuan terhadap pemuliharaan ini amat penting bagi melindungi dan menjaga warisan ketara ini daripada hilang. Maka itu dikatakan pemuliharaan terhadap keris ini memiliki keunikan nilai sejarah yang tersendiri. Pembangunan dan pembuatan senjata canggih yang pesat seiring dengan perubahan zaman sedikit sebanyak membataskan kaedah pemuliharaan warisan seni persenjataan melayu ini. Walau bagaimanapun, jika kepentingan nilai warisan pemuliharaan persenjataan ini dapat diketengahkan, berkemungkinan akan memberikan impak positif kepada pemuliharaan warisan seni persenjataan keris di Kelantan.

Sekali gus membuka mata masyarakat untuk lebih menghargai warisan negara khususnya di negeri Kelantan. Bahkan bukan sahaja itu, masyarakat juga berpeluang merebut peluang ini untuk turut mempromosikan keunikan seni dan warisan yang lain.

Sekiranya kepentingan nilai warisan pengetahuan terhadap persenjataan ini terus dipelihara, sudah pasti pelbagai lapisan masyarakat mampu dipengaruhi tidak kiralah dari segi pendidikan mahupun industri pelancongan.

1.6.3 Institusi

Berdasarkan data yang dianalisis daripada kajian yang dikaji. Diharap kajian ini mampu membantu sekiranya pihak pentadbiran Universiti, pensyarah, dan pihak - pihak yang terlibat dalam kajian yang akan dijalankan iaitu berkaitan pengkalan kearifan tempatan dalam konservasi warisan : kajian mengenai keris.

Diharapkan kajian ini mampu memberikan pendedahan darisegi pelaksanaan dalam penjagaan keris ini kepada semua pihak termasuk masyarakat sekiranya diperlukan kerana pendedahan kajian ini akan memberikan panduan supaya koleksi keris dapat dipelihara dengan baik melalui proses- proses yang betul.

1.6.4 Jabatan Warisan

Negara

Projek penyelidikan ini membolehkan konservator negara untuk turut mengkaji mengenai kepentingan kearifan tempatan dalam memelihara koleksi keris ini.

Secara umumnya, pemuliharaan persenjataan keris ini tidak dititikberatkan sepertimana warisan ketara yang lain. Bagi memberikan kaedah penyelenggaraan yang dimiliki oleh kearifan tempatan mestilah disenaraikan didalam perlindungan Akta Warisan Kebangsaan 2005. Bagi membolehkan penjagaan terhadap persenjataan keris ini termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005, konservator perlu melakukan kaedah pemuliharaan bagi meminimumkan kemerosotan warisan keris ini. Tambahan pula, perubahan cuaca yang tidak menentu di negeri Kelantan yang kadang kala hujan dan panas dan perubahan suhu telah mengakibatkan persenjataan keris ini mengalami kerosakan dalam kadar yang cepat.

Selain itu, konservator dan Jabatan Warisan Negara juga boleh mendapat pelbagai manfaat daripada projek penyelidikan yang dilaksanakan ini.

Hal ini demikian kerana mereka mampu merungkai sejarah yang berkemungkinan tidak diketahui oleh mana-mana pihak. Hal ini sekali gus mampu meningkatkan koleksi warisan negara.

1.7 KEKANGAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji berkemungkinan akan menghadapi masalah dari segi menjalankan penyelidikan. Terdapat masalah yang mungkin akan dihadapi seperti masa.

Hal ini demikian kerana, pengkaji mempunyai kekangan masa untuk menjalankan kajian ini kerana pengkaji juga masih terikat dengan pengajian sepenuh masa dan tumpuan juga tidak dapat diberikan sepenuhnya terhadap penyelidikan yang dikaji ini. Selain itu, pengkaji juga berhadapan dengan masalah bagi mendapatkan maklumat – maklumat tentang tajuk penyelidikan ini. Hal ini demikian kerana, negara Malaysia dan seluruh kawasan dunia telah mengalami satu peristiwa iaitu peristiwa penularan wabak atau virus Covid 19 ini. Penularan wabak ini telah membantutkan kerja – kerja pengkaji malah ianya juga telah membantutkan semua pencarian maklumat pengkaji tentang penyelidikan ini. Sebarang maklumat diperolehi oleh pengkaji dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini adalah amat terhad dan ianya banyak menjejaskan perjalanan bagi menyiapkan penyelidikan ini.

Masalah yang berkemungkinan yang bakal dihadapi pengkaji juga adalah masalah di kajian lapangan dan menemu bual. Masalah ini berlaku kerana kerjasama yang diberikan oleh pihak yang pengkaji mahu menemu ramah tetapi tidak memberikan komitmen yang diinginkan.

Hal ini kerana, ada yang berkemungkinan segan apabila mereka ditemuramah kerana mereka ini tidak biasa dirakam secara video atau secara rakaman suara ini memberikan masalah kepada mereka dalam memberikan maklumat yang kurang jelas seperti yang pengkaji perlukan.

Dari segi sumber dan maklumat kajian pula, pengkaji berkemungkinan berhadapan dengan masalah bahasa dimana terdapat rujukan yang diperolehi pengkaji adalah penggunaan bahasa Inggeris dan penulisan yang digunakan oleh pengkaji dalam penyelidikan ini adalah keseluruhannya bahasa Melayu. Disini akan berlakunya kesukaran apabila pengkaji melakukan penterjemahan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu yang rujukannya daripada penulisan lulusan akademik yang tinggi dan penggunaan ayat yang amat berlainan.

1.8 LOKASI KAJIAN

Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang terletak di bahagian Pantai Timur Malaysia. Negeri Cik Siti Wan Kembang amat dikenali dengan warisan sejarahnya yang tidak diketahui ramai orang. Menurut Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Kelantan (JUPEM), negeri Kelantan mempunyai keluasan 15,104,62km² dengan jumlah penduduk seramai 279,316 orang hanya di Kota Bharu iaitu pusat bandar negeri Kelantan.

Kelantan memiliki sebanyak 11 tanah jajahan (daerah) yang mana setiap tanah jajahan memiliki keunikan sejarah yang tersendiri.

Antara tanah jajahan Kelantan adalah Pasir Mas, Machang, Pasir Putih, Bachok, Jeli, Gua Musang, Tanah Merah, Tumpat, Kecil Lojing dan juga Kota Bharu iaitu pusat bandar Kelantan.

Bagi menyempurnakan projek penyelidikan ini, bagi menyempurnakan kajian ini, sebuah perkampungan di Padang Mokkan, Kota Bharu dipilih sebagai lokasi kajian. Hal ini kerana, pengkaji telah menjumpai seorang pengumpul koleksi senjata keris semasa melakukan kajian. Dalam masa yang sama, pengkaji mendapati bahawa pemilik koleksi keris ini telah menjaga koleksi kerisnya dengan baik. Pengumpul senjata keris ini telah mengumpul sebanyak 100 bilah keris yang disimpan olehnya di rumah yang terletak di Kampung Padang Mokkan. Hal ini telah menarik minat pengkaji bagi melihat bagaimana pengetahuan pengumpul koleksi keris ini menjaga koleksi kerisnya.

1.9 KESIMPULAN

Secara kesimpulanya, dalam bahagian ini pengkaji telah memberikan penerangan tentang tajuk kajian yang akan dilakukan dan ulasan mengenai pengenalan kajian ini dan sedikit latar belakang tempat kajian ini dan sedikit latar belakang tempat kajian yang dikaji bagi memudahkan pengkaji membatasi kajian yang dikaji. Selain itu, pengkaji juga telah mengemukakan permasalahan kajian dan persoalan kajian yang telah timbul daripada pembentukan tajuk kajian. Dengan adanya permasalahan dan persoalan kajian, pengkaji telah menyatakan sebanyak tiga objektif kajian bagi memudahkan kajian ini dilakukan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Sorotan literatur merupakan ulasan maklumat yang dilakukan setelah maklumatnya diperolehi melalui bahan bacaan seperti jurnal, buku, dokumen dan penyelidikan lepas bagi sesebuah penyelidikan baru. Proses sorotan ini adalah sebagai mengenalpasti setiap bahan yang diperolehi tersebut dalam keadaan yang dirancang dan dilakukan oleh penyelidik lain. Sorotan literatur juga bertujuan menerangkan maklumat dan penyelidikan semasa dan yang terdahulu. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah bagi menulis sorotan literatur ini. Antara sumber yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti buku, jurnal dan artikel. Pengkaji telah mendapatkan data melalui bahan bacaan daripada perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan Perbadanan perpustakaan negeri Kelantan. Manakala bagi jurnal dan artikel pula, pengkaji telah melayari laman sesawang untuk mendapatkan maklumat tentang tajuk kajian yang dikaji oleh pengkaji ini.

2.2 INTI SOROTAN LITERATUR

Menurut Ambrose dan Paine (2006), Pengumpulan koleksi telah ditubuhkan di negara- negara di seluruh dunia selama berabad- abad yang lalu. Namun, untuk mengesan jenis asas pengumpulan koleksi untuk tempoh yang berbeza dan juga menganalisis pengumpulan dalam pelbagai cara. Disini kajian ini telah mengkaji koleksi dalam empat cara iaitu rasional intelektual, dengan kaedah pengambilalihan, disiplin dan mengikut kategori bahan-bahan. Berdasarkan dalam kajian kearifan tempatan memelihara koleksi keris ini, pengkaji telah melihat bagaimana pemilik koleksi keris ini dalam memelihara keris mereka dengan pengekalan yang telah dilakukan oleh mereka.

2.2.1 PENGURUSAN KOLEKSI

Menurut Fahy (1995), Didalam buku yang berjudul Collection Management, pengurusan koleksi adalah istilah umum yang digunakan untuk dokumentasi dan penjagaan fizikal koleksi. Hal ini kerana ia adalah begitu luas, ia berkesan merangkumi pelbagai aktiviti yang ada kalanya kelihatan berbeza. Persamaan yang wujud dalam kajian ini adalah dari tujuan memelihara koleksi dan maklumat yang berkaitan dengan kemerosotan, kecurian dan kemusnahan serta membenarkan akses yang digunakan secara fizikal dan intelektual kepada sesebuah objek yang menjadi koleksi. Aktiviti-aktiviti pengurusan koleksi tersebut bukan perkara baru dan telah menjadi sebahagian daripada penjagaan asas

kuratorial selama bertahun-tahun. Melalui kajian yang dijalankan, Pengkaji mendapatkan data bagaimana pengurusan koleksi dilakukan dalam pengekalan keaslian keris ini. Pengkaji telah mendapatkan data dengan memerhati serta menanyakan soalan – soalan yang mampu dijawab oleh pemilik koleksi keris tersebut.

Selain itu, menurut Fahy (1995), beliau menyatakan bahawa bidang pengurusan koleksi telah dianggap sebagai sebuah pekerjaan dasar dari hari ke hari yang sangat praktikal. Namun, sesuatu yang penting disadari adalah pemahaman tentang prinsip – prinsip pengurusan koleksi adalah sangat penting bagi perkembangan yang baik. Tanpa adanya pengetahuan tentang pembangunan budaya warisan ini, ianya berkemungkinan tidak menjadi kenyataan untuk kita bina suatu cara atau dimensi dalam pembangunan koleksi di kalangan masyarakat yang moden kini.

2.2.2 KONSERVASI

Konsep dan kaedah konservasi merupakan antara aspek pengurusan terpenting dalam mengendalikan pengurusan koleksi ini. Koleksi ini juga memberikan imej dan populariti kepada pemilik atau penjaga koleksi.

Konservasi ini berasal dari perkataan “ Conservation” yang terdiri dengan kata con (together) dan servare (keep/save) yang mempunyai maksud mengenai memelihara yang dimiliki oleh kita (keep/save what you have), dengan secara langkah yang bijak (wise use).

Idea ini telah dibawa oleh Theodore Roosevelt (1902) yang merupakan orang Amerika pertama yang mengemukakan konsep konservasi ini.

Menurut Rijksen (1981), konservasi adalah suatu bentuk evolusi budaya di mana pada masa dulu, keupayaan konservasi adalah tidak sebaik yang terkini. Konservasi ini juga telah dipandang melalui ekonomi dan ekologi iaitu konservasi dari segi ekonomi bererti mencuba mendapatkan lokasi sumber alam untuk digunakan. Manakala bagi ekologi, konservasi merupakan peruntukkan sumber daya alam bagi masa kini dan masa akan datang.

2.2.3 MENGENAI KERIS

Menurut Mohd Kassim (1999), Seni persenjataan yang menggunakan keris dan Budaya Keris Melayu yang merujuk kepada bagaimana keris itu dikategorikan dalam kalangan masyarakat Melayu sehingga ia menjadi sebagai senjata yang mempunyai pelbagai persepsi samada darisegi penggunaan, pembuatan dan pemakaian. Hal ini demikian kerana, dari segi penggunaan, keris digunakan sebagai alat untuk mempertahankan diri pada masa dahulu, berbanding kini keris digunakan hanya sebagai simbolik dalam sesuatu majlis seperti majlis angkat sumpah. Selain itu, dari segi pembuatan pula, keris mempunyai reka bentuk yang unik jika dibandingkan senjata tangan yang lain. Ini dapat dilihat di kelukan yang terdapat pada bilah keris tersebut iaitu dipanggil “lok”.

Dari segi pemakaian pula, keris ini kebanyakan dipakai pada pakaian tradisional iaitu pemakaian pada majlis persandingan kahwin bagi masyarakat melayu kini. Dalam kajian yang dilakukan ini, pengkaji akan mendapatkan data daripada masyarakat iaitu dengan mengetahui perkembangan mereka terhadap pengetahuan masyarakat ini tentang keris. Menurut Nik Rashidin Hj. Nik Hussein dan Norhaiza Noordin (1999), Ianya membahaskan tentang keris sebagai senjata pada masa dahulu. Penggunaan keris ini merangkumi beberapa aspek penggunaannya. Iaitu keris menjadi senjata sama ada untuk mempertahankan diri dan sebaliknya.

Selain itu, keris dijadikan sebagai simbol atau titah perintah daripada pemilik keris tersebut dengan memberikan arahan kepada seseorang atau sebagai pengganti diri. Keris juga dijadikan sebagai alat rasmi dalam sesuatu upacara mengangkat sumpah sebagai contohnya istiadat pertabalan Yang Dipertuan Agong yang baru.

Menurut Hisham Hj. Mohd. Noor (2004), Keris merupakan sejenis senjata tradisi orang melayu yang mempunyai ciri- ciri khusus, iaitu pada saiz panjang dan pendeknya, mempunyai dua mata yang tajam, bilahnya lurus dan berkelok- kelok. Runcing dibahagian hujung dan melebar di sebelah pangkal.

2.2.4 PEMBUATAN KERIS

Menurut Basuki Teguh Yowono (2008), seseorang yang memiliki kelebihan dalam menempa keris ini adalah daripada ahli dalam bidang agama, ahli mahir dalam persenjataan, ahli sastera dan ahli artistik. Empu suci dan mampu memahami hal tentang ghaib dan empu lah akan memimpin setiap upacara keagamaan.

Dalam ahli mahir persenjataan pula, Empu ini adalah seorang pendekar dan ahli persilatan yang mahir dalam bersenjata. Empu merupakan seorang artistic dalam mengekskesikan ciptaan kerisnya melalui proses pembuatan dan penempaan. Empu dikatakan akan mencari sumber ilhamnya dalam pembuatan keris dengan unsur seperti tanah, air, api dan angin. Dalam kajian ini, pengkaji akan mendapatkan pengetahuan tentang bagaimana proses yang dilakukan bagi menjadikan sebilah keris.

2.2.5 MANDI DAN CUCI KERIS

Menurut kajian daripada Khamis, Nik Hassan & Abdul Latif (2012), terdapat data yang telah direkodkan melalui kepercayaan melayu iaitu melalui upacara mandi dan cucikan keris. Upacara ini telah dijalankan pada bulan Muharram kerana kebiasaanya ia dianggap bulan ilmu, menuntut ilmu atau membuang ilmu. Tujuan mandikan dan cucikan keris ini adalah untuk membersihkan kekotoran seperti darah selepas bertarung dan ianya juga bagi mengelakkan keris daripada terbentuknya karat akibat daripada oksidasi secara ilmiah.

Perkaitan amalan memandikan dan mengasap keris ini bukanlah proses yang berkaitan dengan amalan ritual yang syirik dan khurafat.

2.2.6 KEARIFAN TEMPATAN

Menurut Yin (2003), kearifan tempatan merupakan pengetahuan yang dikumpulkan dalam amalan komuniti di sesebuah tempat. Namun, ianya memang tidak dinafikan bahawa sesebuah kawasan itu memiliki perbezaan dari segi etnik, sosial, aset budaya dan latar belakang sesebuah sejarah. Ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan adalah berguna dan relevan untuk dikumpulkan sebagai langkah pemeliharaan.

Menurut Flavier (1995), Kearifan tempatan merupakan pengetahuan menarik yang mampu merujuk kepada budaya sesebuah komuniti. Sistem pengetahuan ini bersifat secara dinamik dan ianya sentiasa dipengaruhi oleh kreativiti dalaman hasil daripada interaksi dengan alam sekitar. Dalam projek pembangunan pula, pengetahuan kearifan tempatan terbahagi seperti berikut : (i) pertanian penggunaan dan pengurusan sumber asli , (ii) penternakan haiwan dan perubatan veterinary, (iii) pertanian, (iv) pembasmian kemiskinan, (v) pembangunan komuniti.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, kearifan yang ditekankan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah bagaimana pelaksanaan yang akan digunakan oleh pengumpul koleksi ini dalam mengekalkan keaslian koleksi yang ada pada keris dengan pengetahuan yang diketahui oleh mereka terhadap bahan koleksi mereka.

2.2.6. (a) Melalui Suara Pertama

Suara pertama iaitu suara yang membawa kepada perdebatan, kiasan, pembawa dan penjaga sebenar bagi budaya dan sumber warisan yang terdapat dan berkaitan di seluruh dunia. Walau bagaimanapun di peringkat global, konsep Suara Pertama sering dikaitkan dengan masyarakat orang asli pada masa kini kerana ianya sesuai dengan ideologi yang lebih terkenal dari 'First Nations', 'First People' atau 'Penduduk Pertama'. Perjuangan bagi suara pertama ini berlaku dengan tempoh masa yang panjang untuk memastikan rasa hormat dan pengiktirafan untuk hak budaya orang asli orang memerlukan kedudukan yang baik berbanding kedudukan kritikal seperti yang sebelumnya.

Hal ini kerana, Orang asli mempunyai hak dalam memelihara, mengawal, melindungi dan mengembangkan warisan budaya mereka sendiri, dalam keadaan ini, pengetahuan dan budaya tradisional adalah amat penting dalam membantu sains, teknologi dan budaya, termasuk sumber manusia dan genetik, biji benih, ubat-ubatan, pengetahuan tentang sifat fauna dan flora, oral tradisi, literatur, reka bentuk, sukan dan permainan tradisional dan seni visual dan persembahan.

Mereka juga berhak untuk menjaga, mengawal, melindungi dan mengembangkan harta intelek mereka sendiri yang terdapat pada warisan budaya, pengetahuan tradisional, dan ungkapan budaya tradisional.

Oleh itu, pandangan Suara Pertama ini mempunyai kedudukan penting dalam usaha kita melindungi kepelbagaian budaya dan warisan tidak ketara dalam pembangunan sosial ini.

Pembangunan manusia juga mestilah difahami sebagaimana proses yang berlaku secara tempatan serta didalam persekitaran semula jadi dan budaya. Perancangan untuk pembangunan warisan ini mestilah melebihi daripada sekadar fungsi ekonomi, perubahan sosial atau politik, kesejahteraan, hak manusia dan budaya atau fizikal yang mampan.

2.2.7 PENGURUSAN RUANG

Menurut Lawrence (1989) dan William (1994), Ruang merupakan pemangkin kepada kos – kos operasi yang lain. Semakin banyak ruang yang digunakan semakin banyak kos tenaga kerja, pembersihan serta pembaikan yang perlu dilakukan bagi menghasilkan sebuah pengurusan ruang yang sistematik. Bersandarkan dengan tajuk kajian, pengurusan ruang ini adalah bagi melihat kearifan tempatan ini dalam menguruskan koleksi mereka dalam mereka letak dan menyusun peralatan keris ini dalam keadaan yang baik dan teratur bagi menjamin pemeliharaan terhadap keris ini dengan baik.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, pengkaji akan melihat bagaimana pengurusan yang dilakukan oleh pengumpul koleksi keris ini terhadap penyimpanan dan penggunaan ruang terhadap cara pemeran koleksi mereka dengan pengetahuan yang ada.

Dalam kajian yang dilakukan ini, pengetahuan terhadap penyimpanan koleksi keris ini amat penting dipelihara. Hal ini kerana, keris merupakan senjata melayu yang mempunyai keunikannya dan nilai padanya. Pengetahuan dalam penjagaan keris amat penting bagi memelihara dan memberikan pengetahuan kepada pengumpul bagaimana kaedah penjagaan yang baik terhadap senjata keris ini.

2.3 RUMUSAN BAB

Secara Keseluruhannya, Kajian literatur ini merupakan dokumentasi yang diperlukan bagi memberikan perincian terhadap suatu kajian atau kaedah rujukan yang diperoleh dari sumber rujukan luar seperti buku, jurnal, artikel, majalah dan internet dan sebagainya. Melalui kajian literatur juga, ianya menjadi asas penyelidik untuk menjalankan analisis terhadap dapata kajian yang akan dikaji dan mampu mempelajari kajian yang dijalankan dirungkaikan dengan melihat kepada pandangan kajian literatur penyelidik lain pada kajian yang lepas.

Dengan adanya sorotan kajian ini, pengkaji dapat melihat kepada skop kajian, metodologi kajian yang dapat digunakan oleh pengkaji berdasarkan maklumat yang diperoleh melalui kajian lepas secara jelas.

Melalui permasalahan dalam kajian pula, sorotan kajian ini mampu memberikan buah fikiran kepada pengkaji dalam mengenalpasti kaedah dan penyelesaian yang baik yang dapat digunakan.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 PENGENALAN

Kajian ini dilakukan adalah sebagai kegiatan dalam menggumpul dan menganalisa data secara tersusun. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini memerlukan metodologi yang baik sebagai cara memperoleh dapatan. Metodologi yang digunakan ini memerlukan teknik yang bersistematik bagi menepati kehendak ilmiah, dan berkualiti.

Dalam bab ini akan membincangkan bagaimana kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam menganalisa dengan fakta sebenar mengenai kepentingan kearifan tempatan dalam memulihara koleksi senjata keris di Kelantan. Aspek- aspek yang diberi penekanan oleh pengkaji adalah yang berkaitan dengan pengurusan koleksi senjata keris ini melalui kearifan tempatan itu sendiri dengan menggumpul dan menganalisa setiap data yang diperoleh.

Setiap kajian yang dilakukan oleh pengkaji melalui tajuk ini akan membantu dari segi pengumpulan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji.

Secara amnya, kajian ini telah menggabungkan dua bentuk asas kajian bagi menghasilkan dapatan kajian yang baik. Bentuk kajian yang dimaksudkan adalah kajian di perpustakaan dan kajian lapangan. Gabungan kedua- dua bentuk kajian ini amat sesuai digunakan bagi memudahkan kajian terutama pada masa kini. Di samping itu, berdasarkan kepada bentuk persoalan kajian, penulisan akan lebih menfokuskan pendekatan kaedah kajian ini kepada pendekatan yang bersifat kualitatif.

3.1.1 Pendekatan Kualitatif

Kaedah kualitatif akan digunakan dalam kajian ini bagi melaksanakan kajian terhadap pemeliharaan senjata keris melalui kearifan tempatan dengan membentuk data yang berbeza daripada kaedah kuantitatif ini dimana keduanya digunakan dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana pengkaji akan mengetengahkan kaedah temubual, pemerhatian dan analisis data sewaktu melaksanakan kerja-kerja lapangan. Bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian, pengkaji akan menemu bual orang yang bertanggungjawab serta berpengalaman dalam bidang pemeliharaan koleksi senjata keris ini.

Hal ini akan memberikan kemudahan kepada pengkaji dalam memahami dengan lebih mendalam dan terperinci tentang maklumat yang diperlukan selain mendapat rujukan daripada mereka yang berpengalaman dalam pemeliharaan senjata keris ini. Dalam kajian ini juga akan menggunakan jenis temu bual untuk mengetahui pengetahuan informen terhadap pemeliharaan alat persenjataan keris ini.

Seterusnya, kaedah pemerhatian yang akan dijalankan melalui kajian ini adalah pemerhatian secara penglibatan, kajian ini akan ke lokasi kajian untuk memperoleh data yang baik terhadap pengetahuan warga tempatan dalam memelihara nilai yang terdapat pada alat persenjataan keris. Dengan kaedah ini, pengkaji dapat memperoleh data secara terus dan teratur.

Akhir sekali, kaedah menganalisis data akan memperolehi maklumat yang berkaitan dengan kajian serta bahan rujukan. Dengan pengumpulan data ini dapat memberikan maklumat yang baik dalam menyelesaikan isu-isu dan permasalahan dalam kajian.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian direka untuk mengetahui tentang kajian kearifan tempatan dalam penjagaan senjata keris sepertimana yang dimiliki oleh penjaga-penjaga dan pengumpul koleksi keris. Reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan dalam suatu pengkaji untuk mendapatkan data yang jelas terhadap persoalan kajian.


Dalam kajian ini telah menguna pakai kaedah kualitatif melalui kajian terhadap pemeliharaan mengikut kearifan tempatan terhadap persenjataan keris. Informen ini akan terdiri daripada pemilik koleksi dan pihak pengurusan di Muzium yang berumur dalam lingkungan 21 tahun hingga 60 tahun dan keatas.

Selain itu, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mendedahkan bagaimana pengetahuan yang dimiliki oleh penjaga dan pengumpul senjata keris ini dalam memelihara keaslian bahan tersebut dengan kaedah yang sama atau kaedah yang berlainan. Sebilangan besar masyarakat pada hari ini kurang memiliki pengetahuan dalam menguruskan senjata keris menyebabkan senjata tersebut menjadi rosak dengan tiadanya penjagaan yang betul yang ditunjukkan. Keunikan dalam tajuk ini adalah berdasarkan pengetahuan yang dimiliki oleh beberapa orang individu dalam menjaga dan memulihara senjata keris di Kelantan mengikut kearifan yang diketahui. Disamping itu, pengurusan yang dijalankan oleh pihak Muzium juga dilihat dengan pengurusan mereka dalam menjaga peralatan senjata keris itu. Hal ini dapat dipastikan pengurusan yang dijalankan oleh pihak muzium keatas penjagaan peralatan keris ini dipelihara mengikut kaedah tersendiri atau mengikut syarat pengurusan yang tertentu.

Pengetahuan yang diketahui oleh kearifan tempatan ini meliputi beberapa kawasan di Kelantan iaitu di sekitar Daerah Kota Bharu iaitu di alamat Lot 2087, Kampung Padang Mokkan, Peringat, 16400 Kota Bharu, Kelantan. Individu ini dikenali dengan panggilan Pak Chu Leh yang mempunyai pengetahuan Dengan keberadaan individu yang memulihara barangan tersebut ianya akan memberikan pendedahan dan pengetahuan yang berbeza dalam kajian yang dilakukan ini.

Pengkaji juga telah mendapatkan maklumat mengenai pengurusan terhadap senjata keris yang dijalankan oleh pihak muzium yang bertempat di Muzium adat istiadat atau dikenali sebagai Istana Jahar. Dengan kerjasama yang baik, penyampaian maklumat dan isi daripada temu bual yang dijalankan akan memberikan kandungan yang jelas kepada kedua pihak iaitu antara pengkaji dengan pihak galeri berkenaan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Jadual 3.0 menunjukkan Carta Alir Metodologi Kajian

3.3 INFORMANT KAJIAN

Kaedah temubual telah dijalankan keatas pemilik dan penjaga koleksi keris ini. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual untuk mengetahui dengan lebih jelas tentang kearifan tempatan mengenai pemuliharaan keris dengan pengetahuan yang dimiliki oleh mereka tersebut. Antara langkah yang dilakukan oleh pengkaji iaitu dengan cara temubual secara lisan dan ianya akan direkod oleh pengkaji secara bertulis dan rakaman suara. Jumlah anggaran bilangan yang temubual adalah seramai 5 orang pada peringkat awal. Kaedah temubual juga dilakukan keatas individu yang menjalankan pemeliharaan terhadap senjata keris bagi mendapatkan apakah cara yang digunakan oleh pemilik keris ini dalam menjaga serta proses yang digunakan dalam pemeliharaan senjata keris dan keaslian bahan yang digunakan. Dalam masa yang sama, pengkaji akan mendapat temu bual bersama pihak pengurusan muzium bagi mendapatkan pengetahuan mereka tentang pemuliharaan senjata keris di Galeri senjata tersebut. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah secara pemerhatian. Pemerhatian yang dilakukan adalah bagaimana penjaga bahan koleksi keris ini memelihara koleksi mereka. Kaedah temubual dan pemerhatian yang dilakukan dalam kajian lapangan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data dengan lebih terperinci serta menjawab persoalan.

3.4 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kajian dilakukan adalah dengan berpandukan dua kaedah utama iaitu rujukan data sekunder dan pengumpulan data primer. Pengumpulan data primer yang diperoleh dalam kajian ini adalah melalui kajian lapangan, temu bual dan pemerhatian. Pemerhatian, penangkapan gambar, dan temubual bersama dengan pengumpul koleksi keris. Data-data yang diperolehi ini akan dianalisa dan ianya akan membantu pengkaji dalam merujuk kembali pada masa akan datang. Analisa yang digunakan oleh pengkaji adalah analisis thematic.

Kaedah pengumpulan data ini adalah untuk melengkapkan lagi maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Data-data sekunder yang diperoleh pengkaji adalah tiga kaedah iaitu tesis, buku dan jurnal yang diperoleh daripada perpustakaan Negeri dan Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Malahan, pengkaji juga memanfaatkan teknologi maklumat kini dengan mencari maklumat melalui laman sesawang. Pencarian maklumat ini adalah bagi memberikan pengukuhan kepada tajuk kajian yang dijalankan ini.

3.5 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Pemilihan sampel mestilah dilakukan bersesuaian dengan syarat kebarangkalian iaitu setiap sampel mewakili setiap ahli populasi (Dr. Zahir Zainudin, 2014). Sampel kajian kualitatif amat berbeza dengan sampel kajian kuantitatif. Hal ini kerana sampel yang diambil mewakili populasi lokasi kajian yang dijalankan manakala subjek kajian kuantitatif dipilih secara bertujuan (Gay & Airasian, 2000). Menurut Rohana Yusof (2004:105) pula, setiap individu atau objek dalam sesuatu populasi berkemungkinan tidak sama dalam banyak. Manakala persampelan adalah pengambilan sebahagian daripada pecahan suatu populasi mewakili populasi tersebut.

Pengkaji telah memilih populasi kajian ini daripada pengetahuan pihak pengurusan di Muzium terhadap pemeliharaan senjata keris ini di Istana Jahar, Kota Bharu, Kelantan. Hal ini demikian kerana, Istana Jahar merupakan sebuah destinasi yang dikunjungi oleh masyarakat setempat malah pelancong daripada luar negara yang datang dan melihat keistimewaan yang ada di tempat tersebut. Oleh itu, dengan kajian dilakukan ini pengkaji akan memperolehi pelbagai maklumat melalui pemerhatian dan tinjauan yang dijalankan di kawasan tersebut.

3.6 INSTRUMEN KAJIAN

Persampelan adalah bagaimana proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai informen kajian, daripada Chua (2006). Persampelan adalah satu gunaan dalam pengkajian yang dilakukan kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahihan sesuatu kajian. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, persampelan yang digunakan adalah persampelan bukan berkemungkinan (Non Probability Sampling). Persampelan ini memberikan penerangan bagaimana sesuatu data tersebut dikumpulkan dengan kaedah yang sesuai. Antara kaedah yang digunakan adalah *Snowball Sampling*. Hal ini kerana, persampelan jenis ini membantu pengkaji mendapatkan matlumat secara rawak melalui temu bual yang dilakukan dan ianya membantu pengkaji memperoleh pelbagai maklumat dengan baik. Kaedah pengumpulan data ini adalah untuk melengkapkan lagi maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Data-data sekunder yang diperolehi pengkaji adalah tiga kaedah iaitu pemerhatian, penangkapan gambar, dan temubual bersama dengan pengumpul koleksi keris.

3.6.1 Pemerhatian

Menurut Moleong (2012), kaedah pemerhatian membolehkan pengkaji untuk melihat, memaknai dan merasai subjek kajian secara lebih menyeluruh. Sebelum kajian dijalankan, pemerhatian dan tinjauan ke tempat lokasi kajian perlu jalankan terlebih dahulu. Kaedah ini bagi persediaan kepada pengkaji untuk meneruskan kajian yang selanjutnya. Pengamatan yang tinggi diperlukan agar proses pengambilan data tidak terganggu di kajian lapangan.

Pengkaji telah menjalankan kaedah pemerhatian keatas koleksi yang dimiliki oleh pemilik dan pengumpul koleksi dengan cara melihat bagaimana mereka menguruskan koleksi mereka dengan kearifan mereka dalam menjaga koleksi. Pemerhatian ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji dengan kajian yang dilakukan.

Sepanjang pemerhatian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa susun atur yang dijalankan oleh pemilik adalah banyak yang perlu ditingkatkan. Hal ini demikian kerana, dalam pemerhatian pengkaji, pengkaji melihat bahawa bahan dan koleksi keris ini telah dicampur adukkan dalam satu bekas besi dengan bahan koleksi yang lain iaitu seperti parang dan kerambit. Pemerhatian juga dijalankan di Galeri Senjata di Istana Jahar. Pengkaji melihat kelebihan dan kelemahan yang ada pada pengurusan yang dijalankan terhadap senjata keris.

3.6.2 Penangkapan Gambar

Penangkapan gambar yang dilakukan oleh pengkaji adalah sebagai bukti kajian yang dijalankan. Pengkaji telah menangkap gambar dari sudut bagaimana bahan yang digunakan dalam kerja-kerja memelihara bahan koleksi keris ini. Hal ini akan melengkapkan lagi bukti kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Pemerhatian dijalankan semasa proses pemeliharaan terhadap keris dijalankan bagi memberikan bahan bukti dan kaedah yang dijalankan oleh pengkaji. Pengambilan gambar sepanjang proses kajian penyelidikan dilakukan dapat membantu pengkaji untuk mengetahui proses yang dilakukan dan kaedah pemeliharaan yang digunakan bagi melindungi kepentingan nilai warisan persenjataan keris ini mengikut kearifan tempatan.

3.6.3 Temu Bual

Kaedah temubual dilakukan bagi mengetahui cara penjagaan yang digunakan untuk mengenal pasti pemeliharaan yang dijalankan ke atas koleksi keris. Kaedah ini didapati berguna kerana pengkaji dapat berkomunikasi dengan pihak konservator dan pemilik koleksi bagi mengetahui dengan lebih mendalam mengenai kaedah yang tersirat dibalik cara penjagaan keris ini.

Hal ini sekali gus dapat menambah pengetahuan pengkaji tentang cara penjagaan yang sewajarnya dilaksanakan bagi melindungi nilai estetika pada setiap seni persenjataan melayu ini.

Dalam kajian ini, temu bual yang digunakan adalah secara simulasi dan berstruktur. Hal ini demikian kerana, perolehan data yang dikehendaki akan diperolehi sedikit sekiranya persoalan yang formal ini digunakan kepada individu yang menyimpan koleksi keris ini. Penggunaan temu bual secara simulasi pula digunakan adalah untuk mendapatkan data- data sokongan yang boleh diambil bagi menyokong data berstruktur. Dapatan yang diperolehi ini akan membantu kajian ini mendapatkan data yang berkesan.

3.6.3 (a) Simulasi

Kaedah temu bual secara simulasi adalah pertanyaan secara spontan berkaitan kajian yang ingin dijalankan. Pada kebiasaannya, soalan yang dilontarkan dalam kaedah ini tidak terlalu serius dan bersifat terbuka

3.6.3 (b) Berstruktur

Kaedah temubual secara berstruktur pula adalah soalan yang ingin dikemukakan sudah dirancang dan diatur terlebih dahulu. Soalan yang menggunakan kaedah ini kebiasaannya dilakukan bagi melihat keputusan yang konsisten untuk memperoleh objektif dan matlamat yang dikehendaki semasa melakukan kajian.

3.6.4 Kaedah Catatan

Kaedah catatan merupakan kaedah yang memerlukan pengkaji untuk mencatatkan maklumat yang didengari, dilihat, diketahui serta yang dijumpai. Hal ini bagi memudahkan pengkaji untuk merujuk kembali data yang telah dicatatkan sebelumnya dan digunakan sekiranya memerlukan rujukan tambahan. Penggunaan buku catatan adalah penting untuk sesebuah kajian penyelidikan dilaksanakan. Hal ini kerana pengkaji perlu mengetahui proses sebelum, semasa dan selepas pemeliharaan persenjataan keris yang dijalankan. Kaedah catatan ini merupakan kaedah tambahan yang digunakan oleh pengkaji dalam merekod data yang diperoleh.

3.7 RUMUSAN

Metodologi yang jelas amat penting sebelum menjalankan sesebuah kajian. Hal ini demikian kerana, kualiti kajian itu bergantung kepada ketepatan penggunaan kaedah yang bersesuaian dengan objektif kajian.

Persoalan kajian yang ditetapkan oleh penyelidik. Metodologi sewajarnya menggunakan teknik yang betul dan bersistematik bagi menghasilkan dapatan kajian yang mempunyai kesalahan dan nilai yang tinggi. Dalam bab ini, pengkaji telah menggariskan metode kajian berkaitan dengan kearifan tempatan terhadap pemeliharaan koleksi keris ini.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini akan mengupas tentang sejarah keris, pengurusan koleksi mengikut kearifan tempatan dan pengurusan koleksi yang dijalankan di muzium. Dapatan kajian ini dijalankan oleh pengkaji adalah berkenaan proses pemeliharaan senjata keris yang dijalankan oleh kearifan tempatan.

4.1 SEJARAH KERIS

Menurut Mohd Kassim (1999), Seni persenjataan yang menggunakan keris dan Budaya Keris Melayu yang merujuk kepada bagaimana keris itu dikategorikan dalam kalangan masyarakat Melayu sehingga ia menjadi sebagai senjata yang mempunyai pelbagai persepsi samada darisegi penggunaan, pembuatan dan pemakaian.


Hal ini demikian kerana, dari segi penggunaan, keris digunakan sebagai alat untuk mempertahankan diri pada masa dahulu, berbanding kini keris digunakan hanya sebagai simbolik dalam sesuatu majlis seperti majlis angkat sumpah.

Selain itu, dari segi pembuatan pula, keris mempunyai reka bentuk yang unik jika dibandingkan senjata tangan yang lain. Ini dapat dilihat di kelukan yang terdapat pada bilah keris tersebut iaitu dipanggil “lok”. Keris yang mempunyai 3,5 atau 7 lok dikenali sebagai keris sempana. Jika keris lok yang berkenaan terdapatnya 9 hingga 15 lok ianya akan dikenali sebagai keris cherita dan senjata keris yang mempunyai 19 lok atau lebih dinamakan sebagai senjata keris rantai atau lemona. Terdapat juga senjata keris yang bilahnya yang panjang atau dikenali sebagai keris sepukal.


Terdapat cara – cara menghitung lok dimata keris dengan mendahulukan bahagian berlok berselang- selang pada kedua belah mata keris yang dimulai daripada lok yang terletak disebelah bahagian dagu ganja kemudiannya disebelah bahagian aring dan kiraan yang selanjutnya.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN



Gambar 4.1.a menunjukkan bahagian- bahagian yang terdapat pada senjata keris.



Gambar 4.1.b menunjukkan pengiraan lok pada senjata keris jenis lok.

Dari segi pemakaian pula, di tanah Melayu keris yang digayakan dan dipakaikan dipinggang kiri dan 2 bilah keris lagi akan diselitkan dibahagian hadapan dan belakang. Terdapat satu cerita yang menarik dimana diceritakan dalam buku Cenderamata Perayaan Kemahkotaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Kelantan yang sebuah gambar wajah baginda memakaikan sebilah keris ulu pekakak di sisip pinggang sebelah kanan.

Pada kurun yang 15, Sultan Muhammad Shah telah menentukan kepada siapa yang boleh dan siapa yang dilarang memakaikan pakaian keris ulu kencana atau dikenali senjata keris terapang gabus.

Cara ulu keris dipakaikan mengikut perintah baginda adalah dengan semasa keadaan sesebuah kawasan itu berada dalam keadaan aman, hujung ulu senjata keris mestilah dipusingkan ke arah bahagian dalam dan pada situasi kekacauan berlaku pada sesebuah kawasan itu keris akan dipusingkan mengarah keluar dan semasa menghadap pemerintah disuatu istiadat ulu keris hendaklah ditutupkan dengan kepala sampin.

Keris ini kebanyakan dipakai pada pakaian tradisional iaitu pemakaian pada majlis persandingan kahwin bagi masyarakat melayu kini. Dalam kajian yang dilakukan ini, pengkaji akan mendapatkan data daripada masyarakat iaitu dengan mengetahui perkembangan mereka terhadap pengetahuan masyarakat ini tentang keris.

Dengan pengenalan senjata keris ini, ianya membantu dengan memberikan gambaran susun atur yang dapat pengkaji menghuraikan setiap objektif kajian yang dijalankan itu dengan baik dan teratur.

4.2 PENGURUSAN KOLEKSI

Pengurusan koleksi merupakan satu kerja yang dijalankan untuk menjaga kualiti barangan yang digunakan dengan menggunakan bahan- bahan tertentu mengikut jenis barangan yang digunakan dalam kegunaan harian atau simpanan. Aktiviti-aktiviti pengurusan koleksi bukanlah perkara baru dan ianya menjadi sebahagian daripada penjagaan asas kuratorial selama bertahun- tahun samada melalui individu mahupun sesebuah organisasi.

Melalui kajian yang dijalankan, Pengkaji mendapatkan data bagaimana pengurusan koleksi dilakukan dalam pengekalan keaslian keris ini.

Pengkaji telah mendapatkan data dengan memerhati serta menanyakan soalan – soalan yang mampu dijawab oleh pemilik koleksi keris tersebut.

Pengurusan koleksi ini dijalankan juga adalah bagi memastikan setiap koleksi keris yang disimpan itu mendapat pemeliharaan yang sewajarnya dan mengelakkan daripada kebakaran, kecurian, vandalisme dan bencana.

Perkara –perkara ini boleh berlaku tanpa diduga dan masa yang akan tiba kecelakaan tersebut.

4.2.1 Jenis Keris yang Disimpan

Encik Salleh Bin Mat Yasin atau informen utama dalam kajian ini merupakan seorang pengumpul koleksi barangan antik dan juga mengumpul peralatan senjata. Antara senjata yang telah beliau kumpul dan simpan adalah seperti senjata keris, tombak, lawi ayam dan berbagai lagi. Pengumpulan barangan antik dan peralatan senjata ini telah dikumpulkan sejak beliau remaja lagi. Pengumpulan koleksi secara persendirian ini telah dikumpulkan atas dasar minat terhadap barangan lama.

Dimana beliau berpendapat barangan tradisional ini pada satu jangka masa ke hadapan masyarakat tidak akan mengenalinya dengan baik sekiranya beliau tidak melakukan pengumpulan terhadap barangan antik tersebut.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, pengkaji telah mengecilkan skop kajian pengkaji kepada melakukan kajian kepada pengumpulan dan pengurusan koleksi terhadap senjata keris. Disini pengkaji telah mendapatkan maklumat terhadap kajian yang dikaji melalui pengumpul koleksi senjata keris ini. Encik Salleh sehingga ke hari ini telah mengumpul sebanyak 40 bilah senjata keris yang terdiri dengan pelbagai jenis keris. Antara keris yang beliau miliki adalah keris Anak Alam atau Keris Sri Kelantan dan Keris Lok. Pengumpulan keris telah dilakukan sejak beliau dibangku remaja lagi. Keris pertama yang disimpan dan dikumpulkan oleh Encik Salleh ini adalah keris Sri Kelantan.



Gambar 4.2.1.a Menunjukkan antara sebahagian keris

yang dipertontonkan kepada pengkaji

4.2.2 Proses Penyimpanan

Melalui kearifan tempatan, Encik Salleh telah melakukan proses penyimpanan senjata keris beliau dengan menyimpan senjatanya di sebuah tempat yang telah dikhususkan untuk menyimpan keris iaitu sebuah peti besi yang besar. Dalam peti besi tersebut terdapat pelbagai jenis keris yang telah disimpan bagi melindungi senjata kerisnya itu. Menurut Encik Salleh, senjata keris ini tidak mahu melihat dan dilihat oleh orang kerana senjata keris ini adalah amat berharga.

Melalui pemerhatian pengkaji pula, senjata keris ini telah disimpan dalam sebuah peti besi yang berukuran 4 kaki tinggi x 2 kaki lebar. Peti besi tersebut mempunyai sebanyak 4 tingkat yang boleh diisi dengan senjata keris didalamnya.

Senjata keris yang disimpan dalam peti besi tersebut diletakkan secara tidur supaya senjata keris ini dapat diletakkan dalam kapasiti yang tertentu. Dalam setiap 4 tingkat tersebut, senjata keris ini telah disusun mengikut keadaan dan saiz senjata keris.



Gambar 4.2.1.b menunjukkan peti besi yang disimpan senjata keris didalamnya.



Gambar 4.2.1.c menunjukkan peti besi tingkat 2 yang menyimpan senjata keris jenis anak alam.

4.3 PROSES PEMBERSIHAN

Terdapat pandangan cara yang digunakan dalam proses pembersihan keris ini. Melalui Buku Kitab Tamadun Melayu (2019), Pembersihan keris ini telah dijelaskan dengan kaedah secara saintifik. Karat merupakan lawan yang sinonim bagi bilah keris. Hal ini demikian, pemilik kepada senjata keris ini perlu mengetahui tatacara penjagaan keris agar pemilik kepada penjaga keris ini bersyukur dengan amanah dan nilai yang tinggi terdapat pada senjata keris tersebut.

4.3.1 Waktu yang sesuai memandikan Keris

Mengikut sudut saintifik, keris ini kebiasaannya dimandikan jika perlu atau sekali dalam setahun. Pemilik senjata keris yang selalunya tidak memandikan keris mereka ini adalah kerana mereka bimbang akan pamor yang terdapat pada keris mereka itu rosak dan selainnya meninggalkan kesan dama pada bilah keris. disebabkan perkara diatas memadai untuk pemilik senjata keris ini memandikan senjata keris mereka sekali dalam setahun.

Selain itu, bagi senjata keris yang rosak, yang berkarat teruk sahaja akan menjalani proses rawatan. Terdapat adab yang perlu dipatuhi oleh pemilik senjata keris ini. Cara dan adab memegang senjata keris ini perlu betul dengan tidak memegang hulu dan meletakkan bilah di atas kuku ibu jari. Hal ini bagi mengelakkan bilah keris tidak bersentuhan dengan tangan. Tapak tangan manusia mempunyai lembapan peluh yang bersifat asid dan boleh menyebabkan kerosakan pada bilah keris dalam masa yang cepat.

Secara ironinya, istiadat memandikan keris ini dilakukan pada bulan Muharram atau bulan pertama dalam kalender islam. Bulan tersebut dipilih kerana ianya tahun baharu dan senang untuk diingati kerana catatan kalender yang tersusun tidak mudah diperolehi seperti kalendar masa kini.

Apabila tibanya masa untuk membersihkan senjata keris ini, pemilik keris akan membuat tetapan pada tarikh atau masa tertentu untuk mencuci senjata keris tersebut dalam jangka masa yang akan datang.

4.3.2 Tatacara memandikan senjata keris.

Mengikut sudut saintifik, terdapat pelbagai cara yang digunakan dalam proses penjagaan senjata keris ini termasuklah memandikan senjata keris ini. Ianya disokong dengan mengikut sesetengah kawasan yang menjalankan proses penjagaan keris ini. Tetapi, yang samanya adalah senjata keris.

4.3.2. a) Pemilihan Keris

Pada dasarnya, tidak semua jenis keris yang dirawat. Senjata keris yang dirawat adalah jenis yang mengalami pengkaratan pada bilahnya sahaja yang dipilih bagi mengikuti proses rawatan.

b) Keris ditelanjangkan

Pernyataan diatas membawa erti kepada keris ditelanjangkan dengan mencabut sarung dan hulu keris. Yang akan tinggal hanyalah bahagian bilah keris sahaja yang tidak berbaju kerana bilah keris tersebut akan dilanjutkan kepada proses pembersihan.

c) Merendamkan Keris

Bilah keris yang telah disiap buang pakaiannya akan direndamkan selama satu malam. Bahan yang digunakan dalam larutan rendaman ini adalah air kelapa tua, mengkudu, nanas atau limau nipis. Bahan- bahan yang digunakan sebagai larutan itu adalah bersifat asid. Terdapat beberapa perkara penting dalam rawatan besi ini.

Pertama adalah larutan bahan diatas mempunyai Asid Organik. Asid ini telah menjadikan semua jenis larutan tersebut berasid dan terdapat kebolehan bagi membuang lapisan karat yang terdapat pada bilah senjata keris tersebut. Asid Organik ini digunakan dalam proses rawatan kerana mempunyai sifat hakisan yang lembut mengurangkan potensi hakisan yang boleh berlaku pada bilah keris tersebut. Tambahan lagi, penggunaan sumber –sumber asid organik yang lain yang digunakan merupakan tumbuhan yang lazim digunakan oleh masyarakat Melayu dahulu.

Selain itu, terdapat juga antioksidan seperti vitamin C, catechin, beta-carotene dan sebatian phenolik dalam nanas yang mampu menghalang logam keris untuk berkarat dalam air. Kehadiran karat ini memerlukan oksigen dan kelembapan dalam udara apabila keris direndamkan dalam air. Secara hipotesisnya, bahan antioksidan mampu menghalang keris ini berkarat dalam jangka masa yang singkat.

Seterusnya, terdapat agen chelating. Dimana bahan ini mampu membantu untuk mengikat ion logam. Dengan kelebihan tersebut, bahan chelating mampu dalam menanggalkan karat dan meningkatkan kadar larutan ion logam. Rendaman bersama agen chelating menjadikan ion logam mudah dilarutkan dalam air. Kesimpulannya, karat dapat dihakis dengan jangka masa yang cepat dan dilarutkan dalam air dengan kuantiti yang lebih berbanding yang biasanya.

d) Membersihkan keris

selepas siapnya proses rendaman, kotoran yang terdapat pada bilah keris yang sebelumnya akan dibersihkan dengan menggunakan bahan yang kesat. Antara bahan kesat tersebut adalah sabut kelapa, lidi atau berus gigi. Cara pembersihannya adalah bilah keris akan digosok, dikutulkan atau apa cara yang mampu membersihkan bilah keris tersebut. Sebelum ke langkah yang berikutnya, terdapat satu proses yang dinamakan proses mewarangi keris. Tujuan kaedah ini dijalankan adalah untuk mengeluarkan pamor. Walaubagaimanapun, kaedah ini amat jarang dilakukan pada masa kini kerana proses mewarangi keris ini sangat bahaya yang mengandungi bahan beracun dan tujuan pada masa kini bukan untuk bertikaman. Hal yang kedua adalah kerana bahan – bahan untuk kelangsungan proses ini sukar diperolehi dan terakhir proses mewarangi ini memakan masa yang lama.

e) Membilas Keris

Proses yang seterusnya dalam sudut saintifik adalah keris akan dibilas dengan air supaya kotoran- kotoran akan keluar daripada bilah keris tersebut.

f) Menyiramkan Keris

Bilah keris akan disirami dengan 7 jenis bunga yang berbeza warna dan jenis. Hal ini dilakukan adalah dengan mandian bunga boleh menyucikan saki-baki asid organik dan bahan – bahan lain dalam proses sebelumnya.

Ianya akan mengembalikan keadaan asal asid yang sebelumnya dan juga akan mengeluarkan bau- bauan pada bilah keris itu. Dengan penyiraman pada bilah keris ini juga akan menambahkan seri pada bilh keris tersebut.

g) Mengelap Keris

Bilah keris akan dilapkan dengan kain perca supaya basahan atau lembapan air dapat dikurangkan daripada sebelumnya. Perlu diingatkan bahawa menggosok amatlah tidak digalakkan kerana ianya akan meninggalkan bulu – bulu kain atau bebenang pada bilah keris nantinya.

h) Mengeringkan Keris

Walaupun bilah keris telah dilapkan dengan kain sebelumnya. Namun, bilah keris itu masih dalam keadaan lembap. Dengan keadaan ini, proses mengeringkan keris ini akan menjadi proses lanjutan dengan perasapkan keris dengan kemenyan. Kemenyan dipilih kerana ia berfungsi sebagai mengeringkan kerisi, mengawet dan memberikan haruman pada bilah keris tersebut. Dengan penggunaan kemenyan ini, bauan yang dihasilkan daripada kemenyan boleh menghalau serangga dan binatang lain yang mampu merosakkan bilah keris pada masa akan datang. kemenyan juga mampu melindungi keris daripada kuman yang mampu mempercepatkan proses pengoksidaan logam pada bilah keris.

i)Meminyakkan sedikit pada bilah keris

Bilah keris akan diminyakkan sedikit supaya tidak berlakunya tindak balas terhadap bilah keris seperti pengewapan sehingga mampu menyebabkan rosak dan mengaratkan pada bilah keris. cadangan yang disesuaikan pada sudut saintifik ini adalah cecair pelincir minyak mesin jahit. Hal ini dikatakan kerana, minyak mesin jahit ialah hidrokarbon petroleum. Ianya kurang dalam memberikan tindak balas terhadap apa-apa bahan yang berdekatan dengannya. Tambahan lagi terdapat unsur minyak antikarat pada pelincir minyak mesin tersebut.

Selain itu, minyak pelincir mesin jahit ini berfungsi menghalang logam yang terdedah kepada oksigen dan lembapan udara disebabkan haba daripada proses asapan tidak memadai bagi menghasilkan lapisan perlindungan yang menyeluruh. Dengan itu, lapisan minyak mesin jahit ini mampu melindungi bilah yang diperbuat daripada logam ini dan mampu menjaga kualiti warna bilah keris berkenaan. Tambahan lagi, minyak pelincir mesin jahit ini juga boleh dilarutkan sedikit partikel kemenyan di atas bilah keris selepas proses perasap. Kesannya, lapisan kemenyan akan menjadi rata.

j) memakaikan pakaian keris

Hulu keris akan dipasangkan kembali pada hulu bilah keris dan memasukkan bilah keris berkenaan ke dalam sarung sepertimana kelihatan sebelumnya yang keris tersebut berpakaian lengkap.

k) Membaluti Keris

Keris yang siap dipakaikan pakaiannya akan dibaluti dan diikat dengan kemas pada sebahagian sampirnya dan ganja keris supaya bilah mata keris terjaga dengan baik dalam sarungan. Ini bertujuan untuk memampatkan keris berkenaan. Hal ini juga akan membantu keris berkenaan haruman bau-bauannya kekal lebih lama serta mampu menghalang mata keris berkenaan tercabut.

l) Doa penutup

Akan dibacakan doa-doa yang dirasakan sesuai dan memohon kebaikan.

4.3.3 Proses Pembersihan Senjata Keris Kearifan Tempatan

Pengkaji juga telah mendapatkan maklumat bagaimanakah kearifan tempatan iaitu informen utama ini melakukan proses penjagaan senjata keris melalui kaedah pembersihan. Pembersihan senjata keris ini dilakukan adalah untuk memelihara keaslian yang terdapat pada senjata keris tersebut supaya ianya tidak rosak. Permasalahan yang biasanya berlaku ke atas senjata keris ini adalah seperti kerosakan yang disebabkan pengkaratan.

Oleh itu, terdapat beberapa jenis bahan yang telah digunakan oleh pemilik koleksi senjata keris ini dalam memelihara keris beliau dalam kaedah pembersihan.

4.3.3.1 Pembersihan Bahagian Keris

Antara bahan yang diperlukan dalam pembersihan ini adalah pertama air kelapa. Air kelapa yang digunakan dalam proses pembersihan ini adalah air kelapa tua atau dikenali oleh masyarakat sebagai air (nyor kotey). Air kelapa tua ini diperolehi daripada buah kelapa yang tua iaitu buah kelapa tua. Pemilihan kelapa tua ini adalah kerana air buah kelapa tua memiliki air kelapa yang tahap asidnya yang tinggi. Dengan itu, proses pembuangan karat pada senjata keris amat diperlukan dengan penggunaan air kelapa tua ini.



4.3.1.a menunjukkan air kelapa bagi proses pembersihan keris

Seterusnya, proses untuk merendamkan keris ini memerlukan satu tempat. Bahan yang digunakan bagi dijadikan tempat ini adalah batang buloh. Batang buloh yang diperlukan adalah mengikut saiz keris yang ingin dimandikan. Sebagai contohnya keris yang kecil amat memadai jika menggunakan batang buloh yang bersaiz kecil. Sekiranya senjata keris itu besar, batang buloh yang besar diperlukan untuk meletakkan keris tersebut.



4.3.1.b menunjukkan beberapa batang buloh yang siap dipotong dan digunakan

Dalam proses yang selanjutnya adalah rendaman. Dalam rendaman ini keris yang ingin dimandikan akan diletakkan dalam batang buloh yang telah dipotong mengikut saiz keris. Seterusnya, Air kelapa tua akan dituangkan dalam batang buloh yang mengandungi keris tersebut untuk proses rendaman.

Proses yang seterusnya, buloh yang diisi dengan air kelapa tua dan keris ini akan direndamkan selama 2 malam supaya pengkaratan yang terdapat pada keris itu akan luntur dan hilang.



4.3.1.c menunjukkan bilah keris yang direndamkan

Selepas 2 malam direndamkan, keris tersebut akan dikeluarkan daripada batang buloh tersebut yang mengandungi air kelapa tua itu. Keris akan dibilas dengan menggunakan air putih dahulu dan kemudiannya disapukan dengan sabun debu untuk membersihkannya. Penggunaan berus sabut yang halus digunakan bagi menggosok keris tersebut. Dalam menggosok itu perlu dilakukan secara perlahan – lahan supaya pamor (ukiran) pada keris itu tidak hilang.



4.3.1.d menunjukkan pengkaji menolong membersihkan bilah keris

Setelah siap digosok dan dibersihkan dengan air, keris ini kemudiannya akan di lapkan dengan kain sehingga betul- betul kering. Seterusnya keris tersebut akan dijemurkan dibawah sinar cahaya matahari. Keris akan dijemur selama 1 jam atau sehingga betul- betul kering. Setelah kering, keris ini kemudiannya akan diletakkan wangian iaitu minyak wangi pada alur kerisnya. Minyak wangi ini perlu disapu sehingga rata keseluruhanya. Dan akhir sekali, keris ini akan dimasukkan dalam sarung keris dan kemudiannya disimpan.



4.3.1.e menunjukkan bilah keris dijemurkan sehingga kering daripada air

4.3.3.2 Pembersihan Bahagian Ulu dan Sarong Keris

Bahagian Ulu dan Sarong ini merupakan bahagian hiasan atau bahagian pelindung bagi menyarungkan senjata keris. Bahagian ini diperbuat daripada kayu yang mengikut jenis yang disukai dan dipilih oleh pemilik keris yang inginkan kekemasan pada keris mereka. Kayu yang menjadi pilihan antaranya kayu jati, kayu koka dan lain – lain lagi.



Gambar 4.3.2.a menunjukkan bahagian ulu dan sampir keris bagi proses kemas.

Pembersihan pada ulu dan sarong ini dimulakan dengan pembersihan dengan mengesap dengan menggunakan kain. Penggunaan kain ini adalah untuk membuang habuk yang terdapat pada permukaan kayu tersebut. Seterusnya, ianya akan di semburkan dengan penyembur Clear yang akan memberikan kesan kilat pada permukaan kayu tersebut. Penggunaan syelek semburan juga boleh digunakan dalam kekemasan ini. Mengikut En. Salleh, penggunaan kemas yang sebenarnya adalah jenis sapuan tetapi beliau telah mengubahnya bagi memudahkan proses kemas dengan cepat. Bahagian ulu dengan sarong ini kemudiannya akan dijemurkan di bawah sinar matahari dalam 30 minit. Setelah kering, bahagian ulu keris ini akan kelihatan berkilat dan ianya siap untuk dipasangkan kembali pada keris yang juga telah siap dibersihkan pada sebelumnya.



Gambar 4.3.2.b menunjukkan jenis kemas bentuk semburan digunakan keatas sampir dan ulu senjata keris.

4.4 PENGJAGAAN KOLEKSI SENJATA KERIS

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan tentang dapatan yang telah diperoleh oleh pengkaji semasa melakukan pengumpulan data di lapangan. Pengkaji telah mendapatkan maklumat mengenai pengetahuan dalam penjagaan keris di kalangan masyarakat setempat yang ada dan pernah menyimpan senjata keris. dalam dapatan kajian ini telah melibatkan seramai 5 orang yang telah ditemu bual.

Kaedah temu bual yang dilakukan keatas responden ini berbagai cara. Hal ini demikian kerana, Pandemik wabak covid 19 menyebabkan pengkaji terbatas dalam melakukan kerja – kerja dilapangan. Oleh itu, terdapat beberapa inisiatif dilakukan oleh pengkaji dalam mendapatkan perolehan data.

Antara kaedah temu bual yang dilansungkan oleh pengkaji adalah secara menghubungi informen dengan menggunakan applikasi *Whatsapps*, pengisian *Google Form* dan secara atas talian. Kaedah- kaedah ini telah digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang betul melalui responden itu sendiri bagi mengelakkan penipuan dalam kajian ini. Melalui kaedah ini juga, responden bersetuju dengan kaedah yang diberikan kerana mereka selesa dengan kaedah yang digunakan walaupun bukan di lapangan.

Bilangan	Nama Responden	Umur	Tarikh Temubual	Kod Responden
1	Encik Salleh Bin Mat Yasin	79	3. 11. 2020	Utama
2	Encik Zizi Bin Khadir	66	7. 12. 2020	Kedua
3	Encik Hazmi Bin Mazli	23	7. 12. 2020	Ketiga
4	Encik Che Mohammad Bin Che Haron	58	9. 12. 2020	Empat
5	Puan Zuhaini Binti Mohd Zain	47	8. 12. 2020	Kelima

Jadual 4.0 menunjukkan jumlah informen yang ditemu bual oleh pengkaji

4.4.1 Informen Kedua

Pengkaji telah mendapatkan maklumat dengan menemu bual pemilik koleksi senjata keris di alamat rumahnya iaitu Kampung Aril, Bachok, Kelantan. Pemilik koleksi senjata keris yang dikenali Encik Zizi. Pemilik ini mengatakan bahawa beliau telah menyimpan beberapa keris semasa zaman mudanya dahulu sebelum ianya telah dijual kesemua miliknya sekitar 12 tahun yang lalu. Beliau telah menjual senjata keris miliknya kerana ada pihak yang meninginkan senjata keris beliau dengan jumlah harga yang lumayan. Jumlah harga tersebut telah dirahsiakan kepada pengkaji atas dasar peribadi pemilik koleksi senjata keris tersebut.

Kini beliau memiliki sebilah sahaja senjata keris yang disimpan yang dijadikan perhiasan dirumah. Cara pengurusan yang dijalankan adalah pemilik ini meletakkan senjata keris dalam keadaan tidur didalam almari yang kemudiannya dibalutkan dengan kain kuning pada senjata keris tersebut. Kaedah penyimpanan ini adalah untuk menjaga kualiti dan keselamatan keris tersebut. Sekiranya senjata keris tersebut diletakkan dimerata tempat, senjata berkenaan boleh menjadi rosak dan mampu membahayakan isi rumah yang lain. Kain kuning dibalutkan adalah kerana untuk memudahkan pemilik mengecam objek yang disimpan oleh beliau.

Seterusnya, kaedah pembersihan yang dijalankan oleh pemilik keris ini adalah dengan membersihkan dengan kain yang kering sahaja. Hal ini kerana, beliau tidak mahu permukaan luaran keris tersebut berhabuk dan ianya sentiasa kelihatan bersih. Untuk bahagian bilahnya pula, pemilik koleksi senjata keris ini telah menggunakan limau atau air perahan limau keatas bilah kerisnya. Perkara ini adalah untuk mengeluarkan sisa – sisa karat pada bilah keris dan kemudiannya dibasuhkan dengan air yang bersih. Langkah seterusnya adalah menjemurkan bilah keris tersebut sehingga kering. Kemudiannya dipakaikan kembali bahagian ulu dan sampir pada senjata keris tersebut. Kaedah yang dilakukan oleh pemilik koleksi senjata keris ini adalah mengikut pengetahuan yang dimiliki beliau. Senjata keris yang beliau miliki ketika ini adalah keris yang ber 3 lok.



Gambar 4.4.1.a menunjukkan Keris 3 lok yang dimiliki oleh Encik Zizi

4.4.2 Informen Ketiga

Pengkaji telah mendapatkan maklumat yang seterusnya daripada seorang pemuda yang pernah memiliki koleksi senjata keris iaitu sekitar tahun yang lepas. Beliau yang dikenali nama sebagai Encik Hazmi menetap di alamat Kg Repek, Bachok Kelantan. Beliau telah memiliki keris yang berluk 7 akan tetapi beliau tidak mengenali jenis keris yang disimpan olehnya itu. Beliau menyimpan keris tersebut adalah kerana ianya warisan pusaka yang telah diamanahkan kepada keluarganya untuk disimpan dijaga.

Pengkaji tidak menanyakan asal datangnya keris itu atas dasar kepentingan menjaga informen tersebut. Jumlah keris yang telah disimpan oleh Encik Hazmi adalah 1 keris sahaja.

Dapatan keris tersebut pada dasarnya adalah sebagai hadiah daripada orang – orang dahulu dan tujuan penyimpanan koleksi senjata keris ini adalah bersandarkan minat dan pengetahuan yang ingin beliau ketahui. Pengkaji telah menanyakan soalan kepada informen berkenaan. Encik Hazmi berkata, beliau menyimpan koleksi senjata keris beliau didalam almari dan keris tersebut dibaluti dengan kain yang bersih supaya senjata keris tersebut terjaga dengan baik.

Cara penyimpanan terhadap keris ini dikatakan oleh beliau adalah sama sahaja dengan cara penyimpanan yang dilakukannya seperti barangan antik yang beliau miliki tetapi keris ini ada kaedah pembersihan dalam penjagaannya.



Gambar 4.4.1.b menunjukkan senjata keris yang dimiliki oleh Encik

Hazmi

Seterusnya, Proses memandikan keris untuk bilah yg mempunyai kesan karat. Dimulai dengan membersihkan bilah keris dengan menggunakan limau. Kemudian, menggosok menggunakan arang pada bahagian yg berkarat sehingga hilang karat tersebut. Selepas itu dibersihkan kesan karat tersebut menggunakan air bersih. Akhir sekali menggunakan medium haba untuk menghilangkan air yang masih terdapat pada bahagian bilah dan diletakkan minyak untuk mengelakkan karat dari cepat terjadi.

Ianya sepertimana yang diperkatakan oleh Encik Hazmi dengan pengetahuan yang dimiliki oleh beliau. Antara bahan yang digunakan oleh Encik Hazmi ini mengikut pengetahuan beliau adalah Limau, air mineral atau air bersih, arang atau kertas pasir, kemenyan atau pengering rambut dan minyak.

Pembersihan yang dilakukan oleh informen ini adalah sekali setahun dalam pembersihan keris tersebut dan ianya dilakukan pada awal bulan dalam kalendar islam iaitu bulan Muharram. Hal ini kerana beliau akan melihat bilah besi keris atau pamor pada keris tersebut samada memiliki kesan pengkaratan atau tidak terlebih dahulu. Sekiranya tiada pengkaratan berlaku, maka senjata keris itu tidak akan dibersihkan. Begitu dengan senjata keris yang memiliki kesan pada pamornya yang perlu dibersihkan sepertimana proses yang dilakukan oleh informen kedua ini terhadap kerisnya mengikut kearifan tempatan beliau.

Darisegi rujukan yang diperolehi oleh Encik Hazmi dalam penjagaan koleksi keris beliau ini memperolehi daripada rujukan orang pandai besi iaitu pembuat senjata keris ini. Dimana beliau telah mendapatkan maklumat tentang melakukan dan penjagaan yang baik untuk memelihara koleksi senjata keris tersebut.

Dalam penjagaan koleksi senjata keris ini, cadangan atau saranan telah diberikan oleh responden kedua ini dimana, Penjagaan keris perlulah dijauhi daripada perkara-perkara yang khurafat seperti membaca mantera yang bertentangan dengan ajaran Islam bagi penyimpan yang beragama Islam. Penjagaan secara tradisional dan moden boleh diamalkan selagi tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan perlulah difahami sebab musabab tentang proses penjagaan keris kerana keris adalah satu senjata yg unik yang memerlukan penjagaan yg khusus yang berbeza dari senjata yang lain.

4.4.3 Informen Keempat

Pengkaji telah meneruskan mendapatkan maklumat mengenai tajuk kajian yang dikaji ini iaitu Kearifan Tempatan dalam penjagaan koleksi senjata keris ini dengan menemukan responden yang ketiga. Pengkaji telah menemu bual seorang yang dahulunya pernah menyimpan dan memiliki koleksi senjata keris ini. Responden ketiga ini dikenali dengan panggilan Che Mat yang menetap dialamat Kg Jelawat, Bachok, Kelantan. Koleksi senjata keris yang pernah dimiliki oleh beliau adalah keris pusaka.

Senjata keris ini diperoleh melalui hadiah yang telah diberikan seseorang kepada beliau ketika waktu muda dahulu dan beliau ada mengatakan bahawa beliau ini dahulunya amat berminat dalam memiliki senjata keris ini sebagai koleksi peribadi beliau tetapi dalam kuantiti yang sederhana sahaja.

Jumlah keris yang telah disimpan oleh responden ketiga ini adalah sebanyak 3 bilah keris. senjata keris yang dimiliki oleh responden ketiga ini telah menyimpankan koleksinya di dalam almari dan dibaluti dengan kain yang bersih. Hal ini dikatakan beliau kerana keris ini tidak boleh diletakkan di merata tempat kerana ianya adalah bahan yang tajam dan boleh memberikan kecederaan kepada orang yang berada disekitarnya terutama anak- anak kecil yang perlu dijauhkan.

Kaedah pembersihan yang dilakukan oleh Che Mat ini adalah beliau menggunakan air perahan limau nipis. Hal ini demikian kerana limau nipis ini memiliki asid semulajadi yang membantu menanggalkan kesan yang terdapat pada bilah keris apabila ianya direndamkan. Proses rendaman yang dikatakan oleh Che Mat ini adalah rendaman selama semalaman.

Setelah semalaman bilah keris itu direndamkan, bilah keris akan dibasuh dengan air bersih dan kemudiannya dijemurkan sekejap sehingga keris dan akhirnya akan disimpan didalam almari kembali dalam tempoh yang tertentu. Tempoh yang dijalankan pembersihan koleksi senjata keris ini adalah sebulan sekali.

Che Mat mengatakan pembersihan keris ini dilakukan kerana senjata keris ini merupakan simbolik senjata orang melayu yang patut dipelihara keasliannya. Pembersihan keris ini juga mendidik pemilik keris ini supaya sentiasa cermat dalam melakukan kerja dan sentiasa mengambil berat terhadap sekeliling mereka.

Antara sebab lain yang dijadikan koleksi atau disimpan oleh Che Mat ini kerisnya adalah sebagai perlindungan apabila diperlukan. Beliau mengatakan demikian kerana, bahaya yang akan datang tidak mengira masa jadi persediaan itu perlu bagi melindungi diri dan orang sekeliling adalah amat penting baginya.

4.5 GALERI SENJATA DI MUZIUM ADAT ISTIADAT DIRAJA KELANTAN

Muzium adat istiadat atau panggilan sinonimnya Istana Jahar ini merupakan sebuah Muzium yang antaranya mengumpulkan barangan dan sejarah bagi negeri Kelantan. Muzium Adat Istiadat ini telah beroperasi sekitar awal tahun 1981 yang dijadikan sebagai sebuah muzium pada ketika itu.

Pada zaman sebelumnya, Muzium Adat Istiadat ini dikenali dengan Istana Jahar telah dibina pada tahun 1887 semasa pemerintahan Sultan Muhammad II sebagai kediaman diraja oleh Raja Bendahara Long Kundor.

Istana Jahar ini dinamakan sempena pohon Jahar yang tumbuh pada ketika itu. Binaan struktur Istana Jahar ini diperbuat daripada kayu yang indah dengan lantai kayu tropika yang keras dan digilap serta panel dinding yang diukir. Pada tahun 1981, Istana Jahar ini telah diubah menjadi Muzium Ceremonial Diraja Tradisional Kelantan dan kini ia merupakan salah satu tarikan buat para pelancong yang mengunjungi bandar sekitar Kota Bharu.

Barangan yang dipamerkan di dalam Istana Jahar ini adalah koleksi pakaian diraja, barang kemas dan perak, barangan dapur, dan lain-lain lagi. Terdapat juga maklumat yang dikongsikan seperti maklumat mengenai adat istiadat diraja zaman dahulu seperti perkahwinan, kelahiran anak, sunat, pengkebumian, cukur jambul, makanan, dan mandian.

Terdapat juga Galeri Senjata Melayu, yang mempamerkan senjata tradisional yang unik seperti lembing, kelewang, badik dan juga keris. Dalam galeri ini juga mempamerkan maklumat berkaitan cara untuk menjaga peralatan senjata tersebut. Di bahagian luar pameran, terdapat beberapa buah kereta lama dan kanu perang. Manakala di bahagian dalam kompleks Istana Jahar ini pula, terdapat sebuah gazebo yang dipanggil The Royal Platform, dimana ia dijadikan tempat untuk upacara mandi sebelum majlis perkahwinan diraja berlangsung.



Gambar 4.5.1.a menunjukkan Pintu Hadapan Muzium Adat Istiadat
Diraja Kelantan

Sumber : Koleksi Gambar Pengkaji di Lapangan

4.5.1 Pengurusan Koleksi Senjata Keris di Galeri Senjata

Pengkaji telah mendapatkan maklumat mengenai pengurusan koleksi senjata keris yang dijalankan di Galeri Senjata. Akan tetapi maklumat yang diperolehi oleh pengkaji dalam kajian ini adalah amat terbatas disebabkan oleh pandemik wabak covid 19 yang melanda di Kelantan ketika ini. Oleh itu, dapatan kajian ini telah diubah daripada temu bual kepada perbualan mesej dalam aplikasi Whatapps. Dalam mendapatkan maklumat tentang pengurusan koleksi keris di Galeri senjata, pengkaji telah mendapatkan kenalan atau nombor daripada individu kakitangan yang terlibat di Muzium Adat Istiadat tersebut sebagai responden kelima.

Pengkaji telah berjaya dapatkan kakitangan berkenaan yang dikenali Puan Zuhaini. Puan Zuhaini merupakan pembantu salah seorang pembantu utama yang bertugas di Muzium Adat Istiadat itu.

Disebabkan oleh wabak pandemik covid 19 ini, pengkaji telah menanyakan soalan- soalan yang berkaitan dengan pengurusan koleksi keris yang dilakukan di Muzium tersebut. Pertanyaan awalnya adalah menjurus kepada jumlah koleksi keris yang terdapat di Galeri Senjata berkenaan. Terdapat sebanyak 200 jenis senjata didalam galeri berkenaan dan sebanyak 120 bilah keris yang terdapat di dalam galeri tersebut. Terdapat 8 jenis koleksi keris yang terdapat didalam galeri berkenaan. Antara jenis keris tersebut adalah keris Sundang, Keris Melela, Keris Patani, Keris Bugis, Keris Tanjung, Keris Bali, Keris Jawa dan Keris Semenanjung. Kesemua koleksi keris ini dipamerkan di dalam Galeri berkenaan.

Perolehan koleksi keris yang terdapat di Galeri Senjata berkenaan adalah dibeli daripada pembekal keris. Terdapat juga perolehan secara hadiah dan pinjaman daripada orang – orang tertentu yang memiliki senjata keris yang unik ini.

Darisegi pembersihan senjata keris ini, pembersihan senjata keris ini dilakukan 5 bulan sekali iaitu secara berperingkat. Langkah pembersihan yang dijalankan adalah dengan merendamkan senjata keris yang mengalami kesan- kesan pengkaratan dengan bahan asid semula jadi iaitu dengan air perahan limau dan kemudiannya akan dibersihkan dengan

menggunakan air bersih. Akhirnya akan dikeringkan dan disimpan kembali didalam bekas kaca pameran di dalam galeri senjata tersebut.

Dalam masa yang sama. Pengkaji mendapati bahawa kakitangan muzium berkenaan telah mengatakan bahawa pihak muzium di muzium tersebut mengalami masalah dalam melakukan kerja- kerja konservasi senjata keris ini terutama dalam penjagaan dan pembersihan koleksi pameran keris. Hal ini telah menimbulkan cadangan pengkaji dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pihak muzium berkenaan.

Muzium Istana Jahar juga mempunyai balai senjata yang mempamerkan senjata yang pernah digunakan pada zaman dahulu seperti keris, tombak, kerambit dan sebagainya. Senjata tersebut juga melalui aktiviti konservasi. Hal ini kerana, jika aktiviti konservasi tidak dijalankan, mata senjata tersebut akan berlaku pengaratan yang berterusan dan akhirnya menyebabkan kemerosotan terus berlaku. Menurut staff yang mengawal dan menjaga balai senjata tersebut, langkah konservasi terhadap peralatan senjata seperti keris dan tombak tersebut, peralatan senjata tersebut akan dihantar kepada kedai-kedai atau penjaga keris yang mahir untuk mencuci dan memeliharanya. Langkah mencucinya adalah dengan menggunakan buah kelapa, batang buluh, limau nipis, batang pisang dan pelbagai bahan yang lain. Setiap senjata menggunakan langkah cuci yang berlainan. Hal ini kerana, mata senjata diperbuat dari bahan yang berlainan kerana terdapat senjata yang matanya diperbuat dari kayu, batu serta logam.

Dengan permasalahan yang berlaku, pihak muzium terpaksa mengeluarkan modal darisegi mengupah ahli pandai besi yang terpilih bagi melakukan penjagaan senjata keris ini. Pendekatan seperti ahli Konservasi senjata keris yang mahir ini perlu ditempatkan disini bagi memudahkan kerja – kerja memelihara senjata keris ini dijalankan dengan baik tanpa mengeluarkan modal yang banyak dalam mengupah.

4.6 PENUTUP

Secara kesimpulanya, dalam bab 4 ini pengkaji telah menghuraikan dapatan kajian yang dikaji secara menyeluruh mengenai maklumat yang berkaitan dengan kajian menggunakan kaedah yang ditetapkan oleh pengkaji pada awalan kajian iaitu kajian mengenai Kearifan tempatan dalam konservasi warisan iaitu pemeliharaan koleksi senjata keris yang dimana pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual sebagai dapatan maklumat pengkaji dalam kajian yang dijalankan ini.

Bagi memudahkan lagi maklumat yang diperolehi ini diterangkan dengan jelas, maklumat yang diperolehi daripada dapatan kajian itu akan dituliskan dengan baik berdasarkan maklumat yang telah diperolehi oleh pengkaji berdasarkan dengan kaedah yang digunakan.

Hasil daripada maklumat yang diperolehi ini telah membantu dan menjawab setiap persoalan yang dilontarkan oleh pengkaji kepada responden yang ditemubual dengan dijawab baik dan menepati kehendak kajian. Setiap jawapan yang diberikan oleh responden ini telah membantu pengkaji menjawab persoalan dan objektif kajian yang telah dikaji. Akhir sekali, maklumat yang diperolehi oleh pengkaji adalah relevan dan benar.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menyatakan tentang kesimpulan, ringkasan, cadangan dan saranan terhadap kajian yang dijalankan iaitu kearifan tempatan dalam warisan iaitu kajian mengenai pemeliharaan senjata keris. Sepanjang tempoh menjalani kajian ini, banyak kebaikan dan perolehan ilmu pengetahuan yang diperolehi oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian projek penyelidikan ini. perolehan ilmu pengetahuan yang diperolehi oleh pengkaji adalah seperti mengetahui penjagaan senjata keris, mengetahui pembersihan yang dijalankan, mengetahui pengurusan, cara dan bahan dalam proses pemeliharaan dan mengenali nama- nama dan jenis senjata keris.

Seterusnya, pengkaji juga telah mempelajari cara mendapatkan maklumat dan pertanyaan dalam menjalankan kajian ini supaya berjalan dengan baik dan menjawab dengan objektif yang dikaji oleh pengkaji dalam tajuk kajian ini.

Disamping itu, pemeliharaan dan pengurusan terhadap senjata keris ini perlu ditekankan dalam bab 5 ini bagi memberikan pengetahuan yang terdapat dikalangan kearifan tempatan ini diketahui proses yang betul supaya ianya dapat diambil pengetahuan dan dapat membantu semua pihak.

Dibahagian terakhir, pengkaji akan mencadangkan beberapa cadangan bagi memberikan kaedah yang boleh digunakan oleh semua pihak terutama institusi permuziuman bagi membantu memberikan idea yang baik dalam mengekalkan pemeliharaan terhadap koleksi senjata keris yang dipamerkan.

5.1 ANALISIS OBJEKTIF KAJIAN

5.1.1 Analisis Objektif Kajian 1 :

Cara penjagaan keris berdasarkan menurut kearifan tempatan.

Melalui dapatan kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji dalam Bab 4, pengkaji telah meneliti dimana pengurusan koleksi merupakan satu kerja yang dijalankan untuk menjaga kualiti barangan yang digunakan dengan menggunakan bahan- bahan tertentu mengikut jenis bahan yang digunakan dalam kegunaan harian atau simpanan. Aktiviti-aktiviti pengurusan koleksi bukanlah perkara baru dan ianya menjadi sebahagian daripada penjagaan asas kuratorial selama bertahun- tahun samada melalui individu mahupun sesebuah organisasi.

Pengurusan koleksi ini dijalankan juga adalah bagi memastikan setiap koleksi keris yang disimpan itu mendapat pemeliharaan yang sewajarnya dan mengelakkan daripada kebakaran, kecurian, vandalisme dan bencana. Perkara –perkara ini boleh berlaku tanpa diduga dan masa yang akan tiba kecelakaan tersebut.

Melalui Pemerhatian yang dijalankan melalui Kearifan tempatan di kajian lapangan, pengkaji telah melihat bagaimana kearifan tempatan iaitu Encik Salleh Bin Mat Yasin atau informen utama dalam kajian ini telah mengumpul peralatan senjata. Antara senjata yang telah beliau kumpul dan simpan adalah seperti senjata keris, tombak, lawi ayam dan berbagai lagi. Pengumpulan barangan antik dan peralatan senjata ini telah dikumpulkan sejak beliau remaja lagi. Disini pengkaji telah mendapatkan maklumat terhadap kajian yang dikaji melalui pengumpul koleksi senjata keris ini. Encik Salleh sehingga ke hari ini telah mengumpul sebanyak 40 bilah senjata keris yang terdiri dengan pelbagai jenis keris. Pengumpulan keris telah dilakukan sejak beliau dibangku remaja lagi.

Informen utama tersebut telah melakukan proses penyimpanan senjata keris beliau dengan menyimpan senjatanya di sebuah tempat yang telah dikhususkan untuk menyimpan keris iaitu sebuah peti besi yang besar. Dalam peti besi tersebut terdapat pelbagai jenis keris yang telah disimpan bagi melindungi senjata kerisnya itu. Senjata keris ini telah disimpan dalam sebuah peti besi yang berukuran 4 kaki tinggi x 2 kaki lebar.

Peti besi tersebut mempunyai sebanyak 4 tingkat yang boleh diisi dengan senjata keris didalamnya. Dalam setiap tingkat tersebut, senjata keris ini telah disusun mengikut keadaan dan saiz senjata keris.

5.1.2 Analisis Objektif Kajian 2 :

Cara pemeliharaan keris berdasarkan pengetahuan daripada kearifan tempatan.

Melalui kajian yang dijalankan, pengkaji telah memecahkan dua bahagian dalam mendapatkan maklumat tentang kaedah pemeliharaan keris ini. Dua kaedah tersebut adalah melalui kaedah saintifik sepertimana yang dirujuk oleh pengkaji melalui buku Tamadun Melayu : Bab 16 Istiadat Memandikan Keris dari Sudut Saintifik dan kaedah seterusnya adalah melalui kearifan tempatan. Didalam buku ini menerangkan proses- proses yang dilakukan bagi memelihara koleksi senjata keris ini. proses yang terdiri dengan permulaanya iaitu pemilihan keris, tidak semua jenis keris yang dirawat. Senjata keris yang dirawat adalah jenis yang mengalami pengkaratan pada bilahnya sahaja yang dipilih bagi mengikuti proses rawatan.

Keris ditelanjangan, keris akan ditelanjangan dengan mencabut sarung dan hulu keris. Yang tersisa adalah bahagian bilah keris sahaja yang tidak berbaju kerana bilah keris tersebut akan dilanjutkan kepada proses pembersihan. Merendam keris, Bilah keris yang telah siap buang pakaianya akan direndamkan selama satu malam.

Bahan yang digunakan dalam larutan rendaman ini adalah air kelapa tua, mengkudu, nanas atau limau nipis. Bahan- bahan yang digunakan sebagai larutan itu adalah bersifat asid.

Terdapat beberapa perkara penting dalam rawatan besi ini. Membersih keris, selepas siapnya proses rendaman, kotoran yang terdapat pada bilah keris yang sebelumnya akan dibersihkan dengan menggunakan bahan yang kesat. Antara bahan kesat tersebut adalah sabut kelapa, lidi atau berus gigi. Cara pembersihannya adalah bilah keris akan digosok, dikutikan atau apa cara yang mampu membersihkan bilah keris tersebut. Sebelum ke langkah yang berikutnya, terdapat satu proses yang dinamakan proses mewarangi keris.

Membilas keris, proses yang seterusnya dalam sudut saintifik adalah keris akan dibilas dengan air supaya kotoran- kotoran akan keluar daripada bilah keris tersebut. Menyirami keris, Bilah keris akan disirami dengan 7 jenis bunga yang berbeza warna dan jenis. Hal ini dilakukan adalah dengan mandian bunga boleh menyucikan saki-baki asid organik dan bahan – bahan lain dalam proses sebelumnya. Ianya akan mengembalikan keadaan asal asid yang sebelumnya dan juga akan mengeluarkan bau- bauan pada bilah keris itu. Dengan penyiraman pada bilah keris ini juga akan menambahkan seri pada bilh keris tersebut.

Mengelap keris, Bilah keris akan dilapkan dengan kain perca supaya basah atau lembapan air dapat dikurangkan daripada sebelumnya. Mengeringkan keris, proses mengeringkan keris ini akan menjadi proses lanjutan dengan perasapkan keris dengan kemenyan. Kemenyan dipilih kerana ia berfungsi sebagai mengeringkan kerisi, mengawet dan memberikan haruman pada bilah keris tersebut.

Meminyakkan sedikit pada bilah keris, Bilah keris akan diminyakkan sedikit supaya tidak berlakunya tindak balas terhadap bilah keris seperti pengewapan sehingga mampu menyebabkan rosak dan mengaratkan pada bilah keris. Cadangan yang disesuaikan pada sudut saintifik ini adalah cecair pelincir minyak mesin jahit. Hal ini dikatakan kerana, minyak mesin jahit ialah hidrokarbon petroleum. Ianya kurang dalam memberikan tindak balas terhadap apa-apa bahan yang berdekatan dengannya. Tambahan lagi terdapat unsur minyak antikarat pada pelincir minyak mesin tersebut.

Memakai pakaian keris, Hulu keris akan dipasangkan kembali pada hulu bilah keris dan memasukkan bilah keris berkenaan ke dalam sarung sepertimana kelihatan sebelumnya yang keris tersebut berpakaian lengkap.

Membaluti keris, Keris yang siap dipakaikan pakaiannya akan dibaluti dan diikat dengan kemas pada sebahagian sampirnya dan ganja keris supaya bilah mata keris terjaga dengan baik dalam sarungan dan diakhiri dengan proses berdoa penutup, doa-doa yang dirasakan sesuai dan memohon kebaikan

Melalui Kearifan Tempatan iaitu Informen utama, Antara bahan yang diperlukan dalam pembersihan ini adalah pertama Air kelapa. Air kelapa yang digunakan dalam proses pembersihan ini adalah air kelapa tua atau dikenali oleh masyarakat sebagai air (nyor kotey). Seterusnya, proses untuk merendamkan keris ini memerlukan satu tempat. Bahan yang digunakan bagi dijadikan tempat ini adalah batang buloh. Batang buloh yang diperlukan adalah mengikut saiz keris yang ingin dimandikan.

Dalam proses yang selanjutnya adalah rendaman. Dalam rendaman ini keris yang ingin dimandikan akan diletakkan dalam batang buloh yang telah dipotong mengikut saiz keris. Seterusnya, Air kelapa tua akan dituangkan dalam batang buloh yang mengandungi keris tersebut untuk proses rendaman. Proses yang seterusnya, buloh yang diisi dengan air kelapa tua dan keris ini akan direndamkan selama 2 malam supaya pengkaratan yang terdapat pada keris itu akan luntur dan hilang.

Keris akan dibilas dengan menggunakan air putih dahulu dan kemudiannya disapukan dengan sabun debu untuk membersihkannya. Penggunaan berus sabut yang halus digunakan bagi menggosok keris tersebut.

Dalam menggosok itu perlu dilakukan secara perlahan – lahan supaya pamor (ukiran) pada keris itu tidak hilang. Setelah siap digosok dan dibersihkan dengan air, keris ini kemudianya akan di lapkan dengan kain sehingga betul- betul kering.

Seterusnya keris tersebut akan dijemurkan dibawah sinar cahaya matahari. Keris akan dijemur selama 1 jam atau sehingga betul- betul kering. Setelah kering, Minyak wangi ini perlu disapu sehingga rata keseluruhanya. Dan akhir sekali, keris ini akan dimasukkan dalam sarung keris dan kemudianya disimpan.

Selain itu, Pembersihan pada ulu dan sarong ini dimulakan dengan pembersihan dengan mengesap dengan menggunakan kain. Seterusnya, ianya akan di semburkan dengan penyembur Clear yang akan memberikan kesan kilat pada permukaan kayu tersebut. Bahagian ulu dengan sarong ini kemudiannya akan dijemurkan di bawah sinar matahari dalam 30 minit. Setelah kering, bahagian ulu keris ini akan kelihatan berkilat dan ianya siap untuk dipasangkan kembali pada keris yang juga telah siap dibersihkan pada sebelumnya.

Dapat dilihat bahawa pemerhatian yang dilakukan dalam kajian ini telah diperincikan dan menunjukkan persamaan antara kaedah saintifik dengan kearifan tempatan. Dalam kaedah saintifik tersebut, dapat dilihat bahawa setiap bahan yang digunakan dalam pembersihan koleksi senjata keris ini telah diperincikan.

Berbanding dengan kearifan tempatan yang dijalankan proses pembersihannya adalah bagi memberikan pengetahuan dengan penggunaan sesuatu bahan secara kaedah tradisi dan moden.

5.1.3 Analisis Objektif Kajian 3 :

Pengurusan koleksi senjata keris di Galeri Senjata Istana Jahar dijalankan.

Melalui objektif ketiga ini, pengkaji telah mendapatkan maklumat mengenai sejarah ringkas mengenai muzium Istana Jahar yang terletak di Bandar Kota Bharu. Muzium ini memiliki sebuah galeri yang menempatkan 200 senjata yang terdiri daripada pelbagai jenis senjata yang digunakan oleh masyarakat dahulu dalam melakukan kerja harian mereka dan dalam seni bela diri juga. Pengkaji juga telah mendapatkan maklumat yang dijalankan oleh pihak muzium terhadap pengurusan yang dilakukan di galeri senjata tersebut.

Pengkaji mendapati bahawa galeri tersebut telah melakukan pameran senjata keris dan pengkaji telah mendapatkan juga maklumat mengenai pengurusan terhadap keris melalui proses pameran yang dijalankan dan proses pembersihan dan pengkaji telah membahaskannya didalam bab 4.

Pengkaji juga mendapati bahawa pihak pengurusan telah menghadapi kesukaran dimana mereka tidak memiliki orang yang berkemahiran dalam mengendalikan proses pemeliharaan senjata di galeri tersebut. Ianya telah memberikan beberapa cadangan yang akan dibahaskan oleh pengkaji di bahagian cadangan di akhir bahagian bab 5 ini.

5.2 RUMUSAN

Melalui hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji dengan menggunakan beberapa kaedah yang telah ditetapkan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan iaitu kearifan tempatan dalam konservasi warisan kajian mengenai pemeliharaan koleksi senjata keris. Dalam persoalan kajian yang pertama pengkaji dapat melihat dengan lebih mendalam mengenai cara penjagaan keris yang dilakukan oleh kearifan tempatan. Sebelum ini, pengkaji telah pun melihat koleksi senjata ini dimiliki oleh pemilik koleksi senjata keris ini. Akan tetapi pengkaji telah mendapat persoalan yang menjurus kepada penjagaan dan pengurusan yang dijalankan oleh pemilik koleksi senjata keris ini dalam menguruskan koleksi senjata keris mengikut kearifan tempatan. Hal ini boleh dikatakan tidak asing bagi institusi yang melakukan pengurusan senjata keris ini tetapi pengurusan yang dijalankan oleh kearifan tempatan ini adalah sesuatu yang menarik kerana terdapatnya kepelbagaian dalam menguruskan senjata keris. terdapat persamaan darisegi bahan tetapi ianya amat berbeza darisegi masa, kaedah dan penambahan kaedah yang moden.

Selain itu, pengkaji juga telah mengadakan temu bual bersama pemilik koleksi senjata keris ini bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan persoalan yang seterusnya iaitu kaedah yang berkesan dalam proses pemeliharaan keris yang dilakukan oleh pengumpul keris.

Semasa sesi temu bual dijalankan, pengkaji telah menanyakan mengenai beberapa soalan yang berkaitan dengan proses- proses yang dijalankan dalam pemeliharaan koleksi senjata keris ini. dengan dapatan yang diperoleh, pengkaji telah mendapat ilmu pengetahuan yang membolehkan pengkaji mengetahui kaedah yang dijalankan dalam pemrosesan atau rawatan yang dijalankan dalam kajian ini. Pengkaji juga telah mendapatkan beberapa responden yang membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat mengenai kaedah yang dijalankan oleh responden ini dalam pengurusan koleksi senjata keris mengikut kearifan tempatan masing- masing.

Seterusnya, melalui analisis yang telah pengkaji lakukan di dalam bab 4. Dimana pengkaji telah melihat secara keseluruhan skop yang dikaji oleh pengkaji dalam mengetahui kajian mengenai kearifan tempatan mengenai warisan dalam kajian konservasi koleksi senjata keris ini. Hasil temu bual yang dijalankan, keadaan ini menunjukkan bahawa kearifan tempatan yang mengetahui pengurusan keris adalah berbeza dalam kaedah yang dijalankan tetapi bahan yang digunakan adalah hampir sama dalam setiap kegunaan yang dijalankan.

5.3 CADANGAN

Cadangan yang dicadangkan oleh pengkaji ini meliputi 2 bahagian iaitu cadangan untuk manfaat untuk kearifan tempatan dan cadangan untuk manfaat untuk membantu institusi pemuziuman.

5.3.1. Cadangan untuk Kearifan Tempatan

Cadangan yang pertama untuk membantu kearifan tempatan ini dalam pengurusan koleksi senjata keris ini adalah menerbitkan buku yang memberikan pengetahuan mengenai pengurusan senjata terutama dalam koleksi senjata keris ini. Hal ini demikian kerana, masyarakat atau individu yang menyimpan koleksi ini perlu diberikan pendedahan mengenai proses- proses yang sesuai dijalankan bagi memudahkan pemilik senjata keris ini mengetahui perkara yang boleh dilakukan oleh mereka pada suatu masa nanti. Kesanya kepada pemilik keris ini mampu melakukan pengurusan senjata keris dengan baik dengan adanya panduan yang sesuai diterbitkan kepada mereka ini.

Selain itu, cadangan yang kedua bagi membantu kearifan tempatan ini adalah menganjurkan kelas dalam pengurusan senjata. Hal ini lebih kepada pengurusan darisegi rawatan. Rawatan merupakan pengurusan yang paling penting dalam menjaga keris ini. Hal ini kerana dengan rawatan yang baik sesebuah koleksi keris akan mengekalkan nilai estetik yang terdapat pada senjata tersebut.

Penganjuran kelas pemeliharaan keris ini boleh dijalankan semasa pameran koleksi senjata keris di muzium atau dimana- sahaja. Penganjuran kelas pemeliharaan ini juga akan memberikan pendedahan dan dapat dikenalpasti proses- proses yang lain ada digunakan oleh pemilik koleksi ini semasa berkongsi ilmu pengetahuan. Kesannya akan terwujudlah kesamaan atau perbezaan cara yang digunakan mengikut kearifan tempatan ini.

Seterusnya, Cadangan yang ketiga bagi membantu kearifan tempatan ini adalah kemahiran dalam menjalankan pengurusan koleksi senjata keris ini perlu diturunkan dan dipelajari oleh generasi akan datang. Hal ini kerana, pengurusan koleksi senjata keris ini merupakan salah satu pemeliharaan warisan yang mengekalkan nilai dan kualiti pada senjata keris. Oleh itu, generasi kini perlu diberikan pengetahuan mengenai pengurusan ini supaya ianya tidak ditelan arus zaman begitu sahaja.

5.3.2 Cadangan untuk Institusi Pemuziuman

Cadangan yang pertama dalam membantu institusi pemuziuman ini adalah membawa masuk orang mahir dalam menjalankan pengurusan koleksi senjata di muzium ini. Hal ini kerana dengan penempatan orang mahir ini, ianya akan membantu institusi muzium melakukan pengurusan senjata dengan baik. Kesanya adalah bahan atau koleksi pameran yang dipamerkan akan kelihatan kualitinya dalam keadaan yang baik dan pengekalan keaslian pada koleksi juga dilihat sentiasa terjaga.

Cadangan yang kedua dalam membantu institusi pemuziuman ini adalah menyediakan sebuah makmal konservasi berdekatan dengan institusi muzium. Hal ini demikian kerana, makmal konservasi ini penting bagi melakukan kerja- kerja pemeliharaan dan pemuliharaan sesuatu bahan pameran dengan melindunginya tanpa perlu mengeluarkan kos yang banyak. Hal ini demikian kerana, sesetengah institusi muzium terpaksa mengeluarkan kos bagi menghantar bahan pameran mereka dalam menjalankan proses rawatan seperti pembersihan kepada pakar- pakar daripada luar. Kesanya pengeluaran kos yang banyak terpaksa dikeluarkan dan ianya perlu dipertimbangkan sekiranya bahan pameran tersebut ingin dikonservasikan.

5.4 PENUTUP

Secara Keseluruhannya, Pengurusan koleksi senjata keris mengikut kearifan tempatan ini merupakan satu perkara yang menarik dan keunikanya yang tersendiri. Ianya juga menjadi lambang yang penting dalam pemeliharaan warisan terutama dalam warisan yang tidak ketara ini. Pengetahuan daripada kearifan tempatan juga telah memberikan ilmu yang baru serta baik bagi pendedahan yang terdapat pada kearifan tempatan ini dalam menjaga peralatan senjata. Selain itu juga, proses rawatan dan bahan moden yang digunakan dalam rawatan pada masa kini juga banyak membantu kearifan tempatan dalam melakukan kerja – kerja pembersihan. Hal ini kerana, bahan yang terdapat pada masa kini telah membantu menjimatkan pelbagai kos, masa dan tenaga kearifan tempatan dalam menyelesaikan kerja- kerja pengurusan senjata keris ini. Seterusnya, institusi pemuziuman juga berperanan dalam membantu golongan kearifan tempatan ini dalam menjaga koleksi senjata yang ada supaya dapat mengekalkan nilai yang terdapat pada senjata warisan ini dan ianya juga dapat dipelihara dengan sebaiknya.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

6.0 RUJUKAN

- Abdul Wahab, A. (2005). Pengurusan Sumber Fizikal IPT: Pengurusan Ruang. *Jurnal Teknologi*, 43(1), 15–28. <https://doi.org/10.11113/jt.v43.791>
- Ambrose, T., Paine, T. (2006) *Museum Basics 2nd Edition*. Madisan Ave, New York. Routledge.
- Anne Fahy. (1995). *Collection Management*. New Fetter Lane, London. Routledge.
- Basuki Teguh Yuwono. (2008). Sekilas tentang keris (proses pembuatan, empu dan etika menggunakan keris. Dlm. Seminar Keris, Kota Pati: Yayasan KI Ageng Penjawi Pati & Pemerintah Daerah Kabupaten Pati.
- Cheng YC (2003) *Fostering Local Knowledge and Wisdom in Globalized Education*. Invited keynote speech presented at the 8th International Conference held at Faculty of Education of Chulalongkorn University. Bangkok, Thailand.
- Chua Y.P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill.
- Mohd Kassim Haji Ali. (1999). *Seni Persenjataan dan Budaya Keris Melayu*. Halaman 5.
- Nik Rashidin Hj, Nik Hussein dan Norhaiza Noordin. *Keris Sebagai Senjata Silam*. Halaman 101.
- Flavier JM (1995) *The Regional Program for the Promotion of Indigenous Knowledge in Asia*. In: Warren DM, Slikkerveer LJ, Brokensha D (eds) *The Cultural Dimension of Development: Indigenous Knowledge Systems*, pp.479-487. Intermediate Technology Publications, London.
- Hashim Hj. Mohd. Noor. 2004. *Keris: Peranannya Dalam Masyarakat Melayu Brunei*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

- Knell, Simon J., Suzanne Macleod & Sheila Watson. (2007). *Museum Revolution: How Museums Change and Are Changed*. New York: Routledge Francis & Taylor Group.
- Lawrence, P. 1989. Building Design: More Than Meets the Eye. *The Journal of Business Strategy*. 10: 15-19.
- Panel Penulis The Patriots, (2019). *Kitab Tamadun Melayu*. Edisi Pertama. Patriots Publication, Kuala Lumpur.
- Ramli, Z. (2013). Keris: artifak kejuruteraan spiritual Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(3), 39–49.
- Shahrums Ayub, (1967). *Keris dan Senjata- Senjata Pendek*. Cetakan Pertama, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Susan M. Pearce. 1993. *Museum, object and collection*. USA: Smithsonian Books.
- Williams, B. 1994. *Facilities Management. Building*. Economics Bureau Ltd. UK.
- Zahir Zainudin. (2014). *Kepelbagaian Seni Bina dan Struktur Bangunan Bersejarah di Melaka*. Retrieved from zahidzainudin.blogspot.com

7.0 LAMPIRAN

**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN**

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Faculty of Creative Technology and Heritage

UMK.A02.700-12/1/7 (23)
29 OGOS 2020

R.U. KAMI (Our Ref.) :
TARIKH (Date) :

Kota Bharu
Kg Padang Mokkan
Lot 1895 Jalan Ari Kampung Pauh Lima
16090
Kelantan

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN /
TEMURAMAH**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT4134)**. Nama pelajar adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Muhammed Izzakkuun Bin Muhammed Zizi	C17A0146	970629-06-5725	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/ puan.

Kerjasama tuan/ puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



TS. DR. KHAIRUL AZHAB BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

UNIVERSITI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN **اوپليور سيطيم ماليسيا كلانتان** | Kampus Bachek
Bag Barisan (Locher Bag) No. 61,
16300 Bachek, KELANTAN, MALAYSIA | Tel : 609 779 1290
Fax : 609 779 1262

Gambar 7.1.a menunjukkan surat menjalankan kajian lapangan pengkaji



Gambar 7.1.b menunjukkan pengkaji bersama pemilik Koleksi Senjata Keris

MALAYSIA

KELANTAN



Gambar 7.1.c menunjukkan pengkaji bersama pembantu am di Galeri Senjata

MALAYSIA


KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN